CATATAN

# السِّيْرَةُ النَّبَوِيَّةُ

SEJARAH HIDUP
RASULULLAH S.A.W

للسنة الثالثة

TING. 3

## SURAT RASULULLAH S.A.W  KEPADA RAJA DAN KETUA NEGARA

### (1) SURAT RASULULLAH S.A.W. KEPADA HERCULES RAJA ROM

“Dari Muhammad, utusan Allah kepada Hercules Raja Rom.

Masuklah Islam nescaya kamu selamat. Allah akan memberi dua pahala kepada mu, jika kamu enggan kamu akan menanggung dosa rakyat jelatamu”

Setelah surat itu diterjemah kepadanya – surat itu merupakan seruan yang jelas agar memeluk Islam - beliau tidak marah dan tidak memberontak, sebaliknya beliau menerima surat itu dan menghantar surat balasan dengan cara yang baik.

***Surat Rasulullah s.a.w kepada Kisra raja Parsi***

Pada permulaan tahun ke- 4 H, Abdullah bin Huzafah Al-Sahmi membawa surat nabi s.a.w ke Al-Madain iaitu ibu kota Parsi. Setelah tiba di sana beliau menyerahkan surat itu kepada Kisra. Kandungannya:

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Dari Muhammad, utusan Allah kepada Kisra Raja Parsi. Sejahtera ke atas orang yang menerima petunjuk (Islam), beriman dengan Allah dan Rasulnya serta bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku (Muhammad) adalah utusan Allah kepada seluruh manusia untuk memberi peringatan kepada orang yang masih hidup. Masuklah Islam nescaya kamu selamat, jika kamu enggan kamu akan menanggung dosa orang Majusi (yang menyembah api)”.

Setelah surat itu diterjemah kepadanya, beliau mengetahui bahawa Muhammad menyerunya kepada Islam  maka beliau  naik berang lalu mengoyak surat itu dan menghalau utusan nabi itu.



## كتب رسول الله ﷺ إلى الملوك والرؤساء

### ١. كتاب رسول الله ﷺ إلى هرقل عظيم الروم ؛

" من مُحَمَّد رسول الله إلى هرقل عظيم الروم".

أما بعد ، فأسلم تسلم ، يؤتك الله أجرك مرتين ، وإن تتول فإن إثم الأكارين ([1]) عليك ".

فلما ترجم له الكتاب – وهو دعوة واضحة للدخول في الإسلام – لم يغضب ولم تثر ثائرته ، بل رد على الرسالة ردا حسنا جميلا.

### ٢. كتاب رسول الله ﷺ إلى كسرى ملك الفرس ؛

وفي أوائل السنة الرابعة من الهجرة حمل عبد الله بن حذافة السهمي كتاب النبي ﷺ إلى المدائن عاصمة الفرس ، فلما وصلها سلم الكتاب إلى كسرى ، ونصه:

" بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ. من مُحَمَّد رسول الله إلى كسرى عظيم فارس. سلام على من اتبع الهدى وآمن بالله ورسوله وشهد أن لا إله إلا الله وأني رسول الله إلى الناس كافة ، لينذر من كان حيا ، أسلم تسلم ، فإن أبيت فعليك إثم المجوس".

فلما ترجم الكتاب له وعرف أن مُحَمَّدا يدعوه إلى الإسلام استشاط غضبا ومزق الكتاب وصرف الرسول.

[1] الأكارية : المراد بهم الرعايا الذي يتبعونه وينقاذون لأمره.

Apabila nabi s.a.w mengetahui tindakan Kisra terhadap suratnya, baginda berkata: “semoga Allah hancurkan kerajaannya”. Allah s.w.t memperkenangkan doa nabi s.a.w itu, akhirnya kerajaan Kisra hancur dan orang-orang Islam dapat menguasai khazanah dan harta mereka pada masa pemerintahan Umar r.a.

### *(2) SURAT RASULULLAH S.A.W KEPADA MAQAUQIS DI MESIR*

Rasulullah s.a.w. mengutus Hatib bin Abi Balta’ah bersama sepucuk surat kepada Maqauqis, pemerintah Mesir yang berada di bawah naungan kerajaan Rom. Kandunganya:

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Daripada Muhammad bin Abdullah, utusan Allah kepada Maqauqis Raja Qibti. Sejahtera ke atas orang yang menerima petunjuk (Islam). Sesungguhnya aku mengajak kamu dengan seruan Islam. Masuklah Islam nescaya kamu selamat. Allah akan memberi dua pahala kepada kamu, jika kamu enggan kamu akan menanggung dosa bangsa Qibti. (“Wahai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimah (ketetapan yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah melainkan Allah dan tidak kita mempersekutukan Dia dengan sesuatupun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah (kepada mereka): “Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)”.

Hatib berangkat membawa surat itu, setelah sampai dan mengadap Maqauqis di Iskandariah, maka beliau menyerahkan kepadanya surat Rasulullah s.a.w itu. Maqauqis memeluk surat itu ke dadanya dan menerima dengan cara yang baik serta menyambut Hatib dengan layanan yang baik. Kemudian beliau membalas surat itu bersama hadiah-hadiah yang bernilai

1. Dua orang hamba perempuan: Mariah yang dipilih oleh nabi untuk menjadi isterinya dan Sirin yang dihadiahkan kepada Hassan bin Sabit
2. Seekor Baghal putih: diberi nama Daldal

فلما علم النبي ﷺ بما فعل كسرى بكتابه قال : " مزق الله ملك كسرى، واستولى المسلمون على خزائنهم وأموالهم في خلافة عمر ﵁.

### ٣. كتاب رسول الله ﷺ إلى المقوقس بمصر ؛

✓ بعث رسول الله ﷺ حاطب بن بلتعه بكتاب إلى المقوقس حاكم مصر باسم الدولة الرومانية ، هذا نصه :

" بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ . من مُحَمَّد بن عبد الله ورسوله إلى المقوقس عظيم القبط . سلام على من اتبع الهدى ، أما بعد ، فإني أدعوك بدعاية الإسلام ، أسلم تسلم يؤتك الله أجرك مرتين ، فإن توليت فعليك إثم القبط . { ياأهل الكتب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا نعبد إلا الله ولا نشرك به شيئا ولا يتخذ بعضنا بعضا أربابا من دون الله فإن تولوا فقولوا اشهدوا بأنا مسلمون ([2]) }.

✓ وقد سار حاطب بالكتاب حتى قدم المقوقس في الإسكندرية فسلمه كتاب رسول الله ﷺ ، فضمه إلى صدره ووضعه في حق من عاج ، واستقبل حاطبا بما يستحق من اكرام ، ثم رده مزودا بهدايا قيمة ؛

١– جاريتين : مارية التي اصطفاها النبي ﷺ لنفسه وسيرين التي اهديت لحسان بن ثابت.

٢– وبغلة بيضاء : سميت دلدل.

---

[2] من الآية رقم ٦٤ من سورة آل عمران.

3. Seekor keldai kelabu: diberi nama Ya'fur

4. Sejumlah harta

Maqauqis tidak memeluk Islam kerana beliau takut kehilangan kerajaan Mesir apabila beliau menganut agama yang berbeza dengan agama kerajaan Rom yang menguasainya

### *(3) SURAT RASULULLAH S.A.W KEPADA NAJASHI, RAJA HABSYAH*

Rasulullah s.a.w mengutus Amru bin Umaiyah al-Dhamiri bersama sepucuk surat kepada Najashi dan menyerah kepadanya di ibu kota kerajaannya. Kandungannya:

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Semoga kamu sejahtera. Sesungguhnya aku memuji kepada-Mu, ya Allah, Tuhan yang Maha Berkuasa, yang Maha Suci, yang Maha Sejahtera, yang Maha Mengurniakan Keamanan, yang Maha Memelihara. Aku bersaksi bahawa Isa ibnu Mariam adalah Roh dan kalimah Allah yang dicampakkan kepada Mariam yang tidak pernah berkahwin, yang baik lagi bermaruah. Lalu dia mengandungkan Isa daripada roh dan tiupan-Nya, sebagaimana Dia (Allah) mencipta Adam dengan kuasa dan tiupan-Nya. Sesungguhnya aku mengajak kamu kepada Allah yang Esa, tiada sekutu baginya dan mengajak kamu agar sentiasa mentaati-Nya serta kamu mengikuti dan beriman dengan apa yang aku bawa. Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah, aku telah utuskan kepadamu sepupuku, Ja'far dan beberapa orang Islam bersamanya. Apabila mereka datang kepadamu maka raikanlah mereka dan janganlah kamu berlaku kasar. Aku mengajak kamu dan tentera-tenteramu kepada agama Allah. Sesungguhnya aku telah menyampaikan dakwah dan memberi nasihat kepadamu, maka terimalah pesananku ini. Sejahtera ke atas orang yang menerima petunjuk (Islam)".

٣–وحمار أشهب : سمي يعفور.

٤–ومقدار من المال.

ولم يسلم المقوقس ويظهر أنه خاف على ملك مصر إذا اعتق دينا يخالف دين الدولة التابع لها

### ٣. كتاب رسول الله ﷺ إلى النجاشي ملك الحبشة ؛

✓ بعث رسول الله ﷺ عمرو بن أمية الضمري بكتاب إلى النجاشي ، فسلمه في عاصمة ملكه ، وهذا نصه :

" بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ. سلم (٣) أنت ، فإني أحمد إليك الله الملك القدوس السلام المؤمن المهيمن ، وأشهد أن عيسى بن مريم روح الله وكلمته ألقاها إلى مريم البتول (٤) الطيبة الحصينة ، فحملت بعيسى من روحه ونفخه ، كما خلق آدم بيده ونفخه ، وإني أدعوك إلى الله وحده لاشريك له والموالاة على طاعته ، وأن تتبعني وتؤمن بالذي جائني ، فإني رسول الله ، وقد بعث إليك ابن عمي جعفرا ونفرا معه من المسلمين ، فإذا جاءوك فاقرهم (٥) ودع التجبر ، فغني أدعوك وجنودك إلى الله ، وقد بلغت ونصحت واقبلوا نصحي ، والسلام على من اتبع الهدي " .

---

[٣] أي أنت سالم لأن السلم بمعنى السلامة.
[٤] البتول : من انقطع عن الزواج.
[٥] قرى الضيف : إضافته.

Sikap Najashi yang suka menerima kebaikan, maka tindakannya terhadap surat itu adalah baik kerana hubungan hubungan antara orang Islam dan Najashi adalah baik. Beliaulah yang memberi perlindungan kepada orang-orang yang berhijrah ke negerinya dan mengizinkan mereka tinggal dalam keadaan baik dan selamat. Setelah sampai surat itu kepadanya, beliau menatapnya kemudian memeluk Islam.

Pemimpin-pemimpin Arab yang dihantar surat oleh nabi s.a.w sebahagian mereka melayan dengan buruk dan sebahagian yang lain menerimanya dengan baik dan memeluk Islam.

**Kesan Penghantaran Para Utusan Ini**

Nyatalah bahawa penghantaran utusan ini menunjukkan politik yang bijak dan keberanian yang hebat yang ada pada Rasulullah s.a.w. Oleh sebab itu terdapat beberapa natijah seperti berikut:

1. Raja-raja tersebut tidak berkasar - sedangkan mereka berkuasa di muka bumi ini - terhadap Rasullullah s.a.w, sebaliknya kita dapati jawapan kebanyakan mereka adalah dengan cara yang baik yang menambahkan lagi keimanan orang Islam kerana keimanan mereka itu.
2. Rasulullah dapat mengetahui cara politik raja-raja itu terhadapnya, maka surat-surat ini adalah bertujuan untuk mengetahui pandangan mereka
3. Najashi telah memeluk Islam
4. Maqauqis tidak menerima Islam tetapi beliau menyatakan persahabatan dengan mengirim pelbagai hadiah kepada Rasulullah s.a.w

✓ وكان طبيعيا أن يكون رده حسنا لأن الصلات بين المسلمين والنجاشي كانت طيبة ، فهو الذي آوى المهاجرين إلى بلاده وسمح لهم بالإقامة في عز وكرامة ، فلما وصل إليه الكتاب وضعه بين عينيه ثم أسلم.

أما أمراء العرب ممن أرسل إليهم النبي ﷺ فقد رد بعضهم ردا سيئا والأخر كان رده حسنا وأسلم.

**نتيجة إرسال الرسل :**

✓ لاشك في أن إرسال هؤلاء الرسل يدل على سياسة رشيدة وشجاعة عظيمة للرسول ﷺ ، ولذلك كانت نتائجها ما يأتي :

١) لم يتألب هؤلاء الملوك – وهم أعظم قوة في الأرض – على رسول الله صلى الله عليه وسلم ، بل لمسنا من إجابة أكثرهم رقة وعطفا مما زاد المسلمين إيمانا على إيمانهم.

٢) عرف الرسول ﷺ سياسة هؤلاء الملوك نحوه ، فكانت هذه الكتب بمثابة معرفة لرأيهم.

٣) إسلام النجاشي.

٤) أن المقوقس وإن كان لم يسلم إلا أنه أظهر الود بإرساله الهدايا للرسول ﷺ.

## PEPERANGAN KHAIBAR[7]

tahun 7 H / 628 M

**Sebab Berlakunya Peperangan Khaibar**

Kejahatan orang Yahudi di negara Arab terhadap Islam dan umat Islam terus bertambah selepas peristiwa Bani Quraizah.

Oleh itu sangatlah perlu untuk menghancurkan kekuatan mereka dan menghapuskan pusat peropaganda dan tipu muslihat yang terakhir agar mereka tidak mempunyai kekuatan di negara Arab.

**Persediaan untuk peperangan Khaibar**

Rasulullah saw keluar dari Madinah bersama tentera seramai 1,600 orang. Pasukan tentera ini mempunyai ramai tentera berkuda dan perjalanannya begitu pantas sehingga tempoh perjalanan antara Madinah dan Khyber hanya mengambil masa selama tiga hari dan mereka sampai di sana pada waktu malam dan mereka bermalam di hadapan kubunya

**Pendirian orang Yahudi:**

Orang-orang Yahudi telah diberi arahan oleh pemimpin mereka (Salam Bin Mashkam) supaya mengumpul harta dan ahli keluarga mereka di dalam kubu (al Kutaibah), manakala tentera-tentera berkumpul di kubu *Nitah* yang begitu kukuh. beliau turut serta bersama mereka dan memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada mereka untuk berperang dan tabah (sabar) menghadapinya.

[7] ***Khaibar***: Kubu atau istana, sebuah kawasan oasis yang luas, jaraknya 69 batu dari Madinah iaitu di sebelah timur laut. Penduduknya adalah kaum Yahudi, ianya mempunyai kubu, ladang dan pohon-pohon tamar.



## فتح خيبر[٦]

## سنة ٧ هـ / ٦٢٨ م

**سبب فتح خيبر**

لقد ازدادت نقمة اليهود في بلاد العرب على الاسلام والمسلمين بعد حادث بنى قريظة

كان لا بد من القضاء على شوكتهم والتخلص من آخر مركز للدسائس والخديعة حتى لاتقوم لهم قائمة ببلاد العرب.

**الاستعداد لغزو خيبر**

خرج رسول الله ﷺ من المدينة في جيش عدده ألف وستمائة مقاتل وقد تميز بكثرة فرسانه، وأسرع بالسير حتى قطع الطريق ما بين المدينة وخيبر في ثلاثة أيام ووصلوها ليلا، وبيتوا أمام حصونها.

**موقف اليهود:**

أما اليهود فقد أشار عليهم زعيمهم (سلام بن مشكم) بجمع أموالهم وعيالهم في حصن (الكتيبة) وحشد المقاتلة فى حصن نطاة الحصين ودخل معهم يحثهم ويحرضهم على القتال والصبر.

[٦] خيبر : الحصن أو القلعة وهي واحة كبيرة على بعد ٦٩ ميلا من المدينة في الشمال الشرقي، وقد كان سكانها يهودا، وهي ذات حصون ومزارع ونخيل

**Pengepungan kubu:**

Nabi saw memerintahkan agar dipotong pohon-pohon kurma di sekitar kubu an Nitah, kerana terlalu banyak pohon kurma yang menghalang pergerakan angkatan tentera, lalu orang Yahudi keluar untuk berperang dan bermati-matian mempertahankan benteng-benteng mereka, kerana kekalahan mereka akan melenyapkan bani Israel di bumi Arab.

Pertempuran itu berlaku selama tiga hari, orang Yahudi berperang di hadapan kubu-kubu mereka dalam keadaan panik (ketika berperang di lapangan). Apabila mereka kalah, mereka kembali semula ke kubu mereka dan menutupnya daripada dimasuki.

Pada hari keenam, Rasulullah saw bersabda : (Sesungguhnya bendera perang ini aku akan berikan kepada seorang lelaki yang mencintai Allah dan Rasul-Nya, dan Allah dan Rasul-Nya juga mencintainya). Pada keesokan harinya, baginda mengutuskan kepada Ali bin Abu Talib r.a dan menyerahkan bendera tersebut kepadanya.

Ali bin Abu Talib r.a mara dan setelah menghampiri kubu (an Naim), lalu keluarlah tentera yang berkubu di dalamnya dan berlakulah pertempuran yang sengit di medan peperangan sehingga terbunuhlah komander kubu (Harith bin Abi Zainab) kemudian mengganti tempatnya saudaranya (Marhab), beliau adalah seorang panglima Yahudi.

Marhab keluar dengan memakai perisai dan memegang dua pedang mahu bertempur satu lawan satu, lalu (Ali bin Abi Talib) mara ke arahnya, mereka berdua terus bertempur sehingga Mirhab hampir dapat membunuh Ali, namun menghayung satu pukulan memecahkan kepalanya lalu jatuh dan mati. Selepas itu tentera Islam menyerang kubu dan menawannya. Kemudian satu demi satu kubu-kubu Yahudi jatuh ke tangan tentera Islam, Ini menyebabkan mereka meminta untuk berdamai.

**حصار الحصون:**

أمر النبى ﷺ بقطع النخيل المحيط بحصن النطاة ,لان كثرته تحول دون تحركات القوات العسكرية، فخرج اليهود للقائهم واستماتوا في الدفاع عن حصونهم ,لأن فى هزيمتهم القضاء الأخير على بنى إسرائيل فى بلاد العرب .

واستمر ثلاثة أيام واليهود يحاربون أمام حصونهم فزعين من الحرب في الميدان ,فاذا انهزموا عادوا اليها وأغلقوها دونهم

في اليوم السادس قال رسول الله ﷺ : ( لأعطين الراية لرجل يحب الله ورسوله ,ويحبه الله ورسوله )، فى الغد بعث إلى علي بن أبي طالب، وسلمه الراية.

وتقدم علي رضي الله عنه فلما قرب من حصن (الناعم) خرج إليه أهله ودارت رحى معركة هائلة قتل قائد الحصن (الحارث بن أبي زينب) فتولى بعده أخوه (مرحب) وهو من أبطال اليهود.

خرج لابسا درعين ومتقلدا بسيفين يريد المبارزة فتقدم له (علي بن أبي طالب) وتصاولا حتى كاد (مرحب) أن يقتله الا أن عليا سدد اليه ضربة شقت هامته فوقع قتيلا ثم هجم المسلمون على الحصن ففتحوه ثم سقطت حصونهم الواحد بعد الأخر، فطلبوا الصلح .

**Berlaku Rundingan yang berakhir dengan perjanjian berdasarkan syarat-syarat berikut:**

1. Tentera Islam membunuh tentera dari kalangan orang Yahudi, dan membiarkan keturunannya hidup
2. Orang Yahudi keluar bersama keturunan mereka dari Khaibar dan kawasan sekitarnya
3. Mereka tidak membawa lebih dari satu pakaian
4. Allah dan Rasul-Nya berlepas diri (tidak bersalah) terhadap mereka sekiranya mereka menyembunyikan sesuatu

**ودارت المفاوضات التي انتهت بالاتفاق على الشروط الآتية:**

١. يحقن المسلمون دماء المقاتلة من اليهود ,ويتركون الذرية

٢. تجلو اليهود عن خيبر وأرضيها بذراريهم

٣. لا يأخذ أحدهم أكثر من ثوب واحد

٤. تكون ذمة الله ورسوله بريئه منهم ان كتموه شيئا

**Apakah harta rampasan perang yang diperolehi orang Islam dari Khaibar ?**

Orang Islam mendapat ghanimah Khaibar : 1,400 bilah pedang, 100 perisai, 500 busar panah selain jumlah besar hasil pertanian dan barang-barang dan ternakan.

Orang Islam yang mati syahid dalam peperangan Khaibar tidak lebih dari 20 orang, sementara orang Yahudi yang terbunuh sekitar 93 orang.

**ما غنيمة المسلمون من خيبر:**

غنم المسلمون من خيبر ألف وأربعمائة سيف ومائة درع وخمسمائة قوس عدا كميات كبيرة من الحاصلات الزراعية والمتاع والماشية.

وكان شهداء المسلمين في معارك خيبر لا يزيدون عن العشرين ,بينما كان قتلى اليهود حوالى ٩٣ قتيلا.

**“Fadak”[10] meminta perdamaian:**

Ketika berita kemenangan tentera Islam itu sampai kepada penduduk (Fadak), maka timbul rasa takut di hati mereka, lalu mereka menghantar kepada nabi saw satu rombongan yang menawarkan kepatuhan / perdamaian dimana mereka akan menyerah separuh hasil tanaman tanpa berlakunya peperangan. Lalu Rasulullah saw menerima apa yang mereka tawarkan.

**Menyerang “Wadi al Qura”[11]:**

Selepas Allah menetapkan kepada Rasulullah saw kemenangan yang nyata terhadap orang Yahudi Khaibar, mereka bersedia untuk kembali ke Madinah melalui jalan di lembah al Qura. Apabila orang Yahudi yang tinggal di sana mengetahui kedatangan Rasulullah saw, maka mereka bersiap sedia untuk berperang dan mengangkat senjata, lalu Rasulullah saw mengepung mereka selama 4 hari sehingga memaksa mereka menyerah diri dan patuh kepada kepimpinan Islam.

**Kesimpulannya:**

Begitulah, kekuatan nabi saw yang dapat menguasai seluruh orang Yahudi dan berakhir setiap pengaruh mereka di semenanjung tanah Arab.

[10] Fadak ialah negeri Yahudi yang berhampiran Khaibar
[11] Kawasan yang berhampiran Madinah dari arah Syam, ianya adalah kubu terakhir Yahudi



**فدك[٨] تطلب الأمان :**

ولما وصلت أخبار انتصار المسلمين الى أهل (فدك) وقع الرعب فى قلوبهم، فبعثوا إلى النبى ﷺ وفدا يعرض عليه طاعتهم، وأن يدفعوا له نصف حاصلاتهم من غير قتال، فواقف ﷺ على ما عرضوه.

**مهاجمة وادى القرى[٩] :**

وبعد أن كتب الله لرسوله ﷺ ذلك النصر المظفر على اليهود خيبر، تأهب للعودة إلى المدينة عن طريق وادى القرى فلما علم اليهود الذين يسكنونها بمقدم الرسول تأهبوا للقتال، وحملوا السلاح، فحاصرهم النبى ﷺ أربعة حتى أجبرهم على التسليم والولاء.

**النتيجة :**

وهكذا ساد سلطان النبى صلى الله على جميع اليهود وانتهى كل ما كان لهم من نفوذ فى شبه الجزيرة.

[٨] فدك : بلدة يهودية قريبة من خيبر
[٩] موضع قريب من المديبة إلى جهة الشام آخر حصن لليهود

## PEPERANGAN MUKTAH[13]

**Jamadil Awal tahun 8 H/629 M**

Setelah Rasullullah s.a.w.mendapat jaminan keselamatan daripada pihak Quraisy dengan perjanjian Hudaibiyah baginda berpendapat negara Syam dan negeri sekitarnya merupakan jalan pertama untuk (menyebarkan) dakwah Islam di luar semenanjung Arab. Oleh itu tidak berapa lama baginda berada di Madinah setelah selesai umrah Qada', lalu baginda menghantar utusan sebagai wakilnya bersama sepucuk surat kepada Gabenor Busra di bawah pemerintahan Raja Hercules untuk mengajaknya kepada Islam. Utusan nabi itu diekori dalam perjalanannya dan dibunuh (oleh tentera gabenor Busra), sedangkan setiap utusan tidak boleh dibunuh. Tindakan Rasulullah s.a.w. terhadap pengkhianatan ini, baginda menyiapkan satu pasukan tentera untuk memberi pengajaran kepada pengkhianat-pengkhianat itu - jumlah tentera itu 3,000 orang . Baginda memberi panji perang kepada Zaid dan Harithah dan mengarahnya mara ke Muktah. Baginda bersabda: "Jika dia (Zaid) gugur Syahid bendera ini diberi kepada Ja'far bin Abi Talib dan jika Ja'far gugur maka diganti oleh Abdullah bin Rawahah".

### Kemaraan Tentera Islam

Tentera Islam bergerak dan disertai oleh Khalid bin al-Walid manakala orang ramai mengiringi pemergian mereka. Nabi juga mengiringi mereka ke sempadan Madinah dan mendoakan mereka dengan kemenangan serta berpesan agar mereka tidak membunuh perempuan, kanak-kanak dan orang yang tidak melawan serta tidak memusnahkan rumah dan tidak memotong pokok-pokok tanaman, tetapi musuh telah mengetahui kemaraan mereka maka Syarahbil al-Ghassani mendapatkan bantuan daripada puak Kristian Arab sekitarnya - begitu juga raja Hercules menghantar kepadanya tentera yang besar sehingga mencapai 100,000 tentera atau lebih daripada itu.

[13] Mu'tah ialah bandar yang terletak di Syam, tenggara bandar Amman, sekarang ini ia berada di bawah kerajaan Jordan.

## غزوة مؤتة (١٢)

جمادى الأولى سنة ٨ هـ (٦٢٩ م)

بعد أن أمن النبي ﷺ جانب قريش بصلح الحديبية ، رأى أن الشام والبلاد المجاورة لها هي الطريق الأول للدعوة الإسلامية خارج شبه الجزيرة العربية ، لذلك لم تمض أشهر على مقامه بالمدينة بعد عمرة القضاء حتى وجه النبي صلى الله عليه وسلم رسولا من قبله بكتاب إلى أمير بصرى من قبل هرقل يدعو إلى الإسلام ، فترصد له في الطريق من يقتله ، وذلك على الرغم من أن الرسل لا تقتل. فكان رد الرسول ﷺ على هذه الخيانة أن أعد حملة لتأديب هؤلاء الغادرين – عددها ثلاثة آلاف مقاتل – وعقد اللواء فيها لزيد بن حارثة وأمره بالزحف إلى مؤتة ، وقال : "إن أصيب فاللواء لجعفر ابن أبي طالب ، وإن أصيب جعفر ، فعبد الله بن رواحة".

### خروج الجيش :

خرج الجيش ومعه خالد بن الوليد وودعه الناس ، وسار النبي ﷺ معهم خارج المدينة يدعو لهم بالنصر ، ويوصيهم ألا يقتلوا النساء ولا الأطفال ولا المكفوفين ، ولا يهدموا المنازل ، وألا يقطعوا الأشجار. لكن العدو قد علم بمسير الجيش فقام شرحبيل الغساني واستنجد بمن حوله من قبائل العرب المسيحيين – كما امده هرقل بجيش كبير حتى بلغ عددهم حوالى مائة ألف أو أكثر –.

١٢ مؤتة : مدينة تقع في الشام ، جنوب شرقي عمان ، وتتبع الآن المملكة الأردنية الهاشمية.

Tentera Islam mara sehingga apabila tiba di negara Syam, mereka dapat tahu berita tentere musuh dan persiapan mereka. Maka Zaid mengadakan mesyuarat perang untuk mengkaji dan berbincang. Seorang daripada mereka mencadangkan: “ Kita tulis surat kepada Rasulullah s.a.w dan memberitahunya tentera musuh terlalu ramai,sama ada baginda menghantar tentera bantuan kepada kita atau baginda memberi arahan baru, maka kita laksanakannya”. Lalu Abdullah bin Rawahah berdiri dan memberi kata-kata semangat kepada tentera Islam agar terus berjihad dengan kata-kata : “Teruskanlah perjuangan! kerana ia adalah salah satu daripada dua kebaikan; sama ada menang atau mati syahid!”. Ucapannya itu memberi kesan ke dalam jiwa tentera dan menyemarakkan semangat mereka untuk mara sehingga sampai ke Muktah.

وتقدمت الجيوش الإسلامية حتى إذا وصلوا إلى أرض الشام علموا أخبار تجمعات الأعداء ومدى استعدادهم ، فقعد زيد مجلس حربيا للنظر والتشاور ، فقال قائل منهم : " نكتب إلى رسول الله ﷺ فنخبره بكثرة الأعداء ؛ فإما أن يرسل إلينا مددا وإما أن يأمرنا بأمره فنمضي له " ، فوقف عبد الله بن رواحة وأخذ يشجع الناس على المضي والتقدم قائلا : " انطلقوا فإنما هي احدى الحسنيين ؛ إما نصر وإما شهادة " ، فأثرت كلماته في نفوسهم ودفعتهم إلى التقدم حتى وصلوا مؤتة.

**Pertempuran Tentera Islam-Kafir Dan Kesyahidan Zaid Bin Harithah**

Tentera Islam - bilangannya sedikit tetapi kuat imannya - bertempur dengan tentera musuh. Zaid bin Harithah mula menerkam ke arah musuh sambil menangkis serangan musuh dan mara sehinggalah dia terkena lembing musuh. Akhirnya dia gugur syahid di medan perjuangan.

**التحام الجيوش واستشهاد زيد بن حارثة :**

التقت قوة المسلمين – القليلة بعددها القوية بإيمانها – بقوة الأعداء ، واندفع زيد بن حارثة في صدر العدو ، فوقع قتيلا في ميدان الاستشهاد.

**Ja’far bin Abi Talib**

Kemudian kepimpinan tentera berpindah kepada Ja’far bin Abi Talib sebagaimana yang dipesankan oleh nabi s.a.w. Dia terus berperang sehingga kudanya dikepong oleh musuh lalu beliau turun dari kuda dan berjalan dalam kepongan musuh sambil memancung dan melibas kepala musuh sehingga terpotong kedua belah tangannya maka beliau memeluk panji dengan lengannya sehingga terbunuh akibat terkena lebih 70 luka kerana libasan pedang dan tikaman tombak.

**جعفر بن أبي طالب :**

ثم انتقلت رياسة الجيش لجعفر بن أبي طالب كما أوصى النبي صلى الله عليه وسلم ، فقاتل حتى أحاط العدو بفرسه ، فنزل عنها وتقدم راجلا وسط القوم يحصد الرءوس ويضرب الرقاب حتى قطعت يداه ، فاحتضن الراية بعضديه حتى قتل بعد أن أصيب بأكثر من سبعين جرحا ما بين ضربة بسيف وطعنة برمح.

**Abdullah bin Rawahah**

Ketika itu kepimpinan berpindah kepada Abdullah bin Rawahah dan tidak lama kemudian beliau gugur syahid. Ketiga-tiga sahabat ini gugur sahahid dalam usaha menegakkan kebenaran dan agama Allah. Mereka merupakan contoh yang kekal selamanya di antara contoh-contoh kepahlawanan, pengorbanan dan keimanan. Mereka adalah ikutan yang terbaik sepanjang masa bagi setiap mukmin yang ingin mencatat sejarah untuk bangsa dan negaranya.

**Khalid bin al-Walid**

Setelah tiga sahabat itu syahid, tentera Islam bersetuju melantik Khalid bin al-Walid sebagai ketua. Akhirnya beliau berjaya menyatukan tentera Islam dan mengembalikan kekuatan mereka. Beliau cuba menguji kekuatan musuh sehinggalah tiba waktu malam, maka beliau merancang strategi dan menyusun semula tentera. Apabila fajar subuh menjelma, pihak musuh menyangka pasukan bantuan telah tiba membantu tentera Islam, maka pihak musuh tidak menyerang mereka bahkan bersembunyi ketika tentera Islam berhenti daripada menyerang mereka. Pihak musuh berharap mereka dapat pulang tanpa berlaku peperangan. Khalid lebih mengutamakan keselamatan tentera Islam dengan berundur. Itulah strategi yang bijak kerana beliau mampu menyelamatkan tentera Islam dari ambang bahaya dan pulang ke Madinah.

**عبد الله بن رواحة :**

عند ذلك انتقلت القيادة لعبد الله بن رواحة ، وسرعان ما سقط قتيلا. هؤلاء الثلاثة استشهدوا في سبيل إعلاء كلمة الحق والدين ، فكانوا مثلا خالدا من أمثلة البطولة والتضحية والإيمان ، وأصبحوا قدوة كريمة على مدى الزمان لكل مؤمن يريد أن يكتب لأمته تاريخا ولوطنه خلودا.

**خالد بن الوليد :**

وبعد استشهاد الأبطال الثلاثة اتفق الناس على تولية خالد بن الوليد ، فاستطاع أن يوحد الصفوف ويجمع الشمل ، وصار يناوش العدو حتى أقبل الليل فأخذ في تدبير الخطة وتنظيم الجيش من جديد. فلما أصبح الصباح ظن العدو أن مددا لحق بالمسلمين ، فلم يهاجموهم بل سروا حين سكت المسلمون عن قتالهم ، وتمنوا أن يعودوا دون اشتباك. أما خالد فقد آثر المحافظة على المسلمين بالانسحاب ، وكانت مهارة بارعة حيث استطاع أن ينفذ الجيش الإسلامي من خطر محقق ، وعاد إلى المدينة.

**Rasulullah S.A.W Membantu Keluarga Para Syuhada**

Perasaan dukacita menyelubungi Rasulullah s.a.w semenjak mengetahui kematian tiga sahabatnya. Dari Asma bin Umais r.a, isteri Ja'far bin Abi Talib berkata: "Rasulullah s.a.w datang (ke rumahnya) pada hari kematian Ja'far dan sahabat-sahabatnya, lalu baginda berkata: "Bawa ke mari anak-anak Ja'far kepadaku". Maka aku membawa mereka kepadanya, lalu baginda memeluk mereka dengan linangan air mata. Asma bertanya dalam kesedihan dan dia dapat merasakan sesuatu akan menimpanya: "Wahai Rasulullah! demi ayah dan ibuku, apakah yang menyebabkan kamu menangis?. Adakah kamu sudah mengetahui tentang Ja'far dan sahabat-sahabatnya?". Baginda menjawab: " Ya, mereka terbunuh pada hari ini". Air mata baginda terus berlinangan. Asma berkata lagi: "Aku terus bangun sambil menjerit lalu beberapa perempuan mengelilingiku". Rasulullah s.a.w berkata kepadaku: "wahai Asma, janganlah kamu mengeluarkan kata-kata buruk dan janganlah kamu menampar pipi". Kemudian Rasulullah s.a.w (pulang) ke rumahnya dan berkata (kepada keluarganya): "Janganlah kamu melupai keluarga Ja'far dengan menyediakan kepada mereka makanan kerana mereka sibuk dengan urusan mereka (kematian Ja'far)". Begitulah cara bantuan baginda kepada anak-anak para syuhada.

**مواساة الرسول ﷺ لأسر الشهداء :**

وقد بلغ الأسى من نفس رسول الله ﷺ منذ علم بمقتل القواد الثلاثة مبلغا كبيرا. فعن أسماء بنت عميس – رضي الله عنها – زوج جعفر ابن أبي طالب – رضي الله عنه – قالت : " دخل رسول الله ﷺ يوم أصيب جعفر وأصحابه فقال : " ائتني ببني جعفر " ، فأتيته بهم ، فضمهم ذرفت عيناه بالدمع ، قالت أسماء في لهفة وقد أدركت ما أصابها : " يا رسول الله بأبي وأمي ما يبكيك ؟ ، أبلغك عن جعفر وأصحابه شيء ؟ " ، قال : " نعم ، أصيبوا هذا اليوم ". وفاضت عيناه بالدمع، قالت : " فقمت اصيح واجتمع علي النساء ، وجعل رسول الله ﷺ يقول لي : " يا أسماء لاتقولي هجرا ولا تضربي خدا ، وخرج رسول الله ﷺ إلى أهله فقال : " لا تغفلوا آل جعفر من أن تصنعوا لهم طعاما فإنهم قد شغلوا بأمر صاحبهم ". وهكذا كانت مواساته لأبناء الشهداء.

**Pengajaran Daripada Peperangan Muktah**

1. Pesanan yang diberikan oleh nabi s.a.w kepada tentera Islam semasa bertolak ke Muktah agar tidak menganiayai orang-orang yang lemah, sakit dan tidak memusnahkan rumah serta tanaman. Itulah asas yang membezakan peperangan pada kurun pertama hijrah / kurun ke-7 Masihi. Ianya tidak wujud pada abad ke-20 atau zaman yang mendakwa telah maju dan bertamadun. Ini terbukti dalam peristiwa perang dunia ke-2 yang masih dalam ingatan.

**العبرة من غزوة مؤتة :**

١– هذا الوصية التي وجهها النبي ﷺ للجيش وهو ذاهب إلى مؤتة بعدم التعرض للعجز والمرضى والمنازل والمزارع ، تلك التعاليم التي تميزت بها حروب المسلمين في القرن الأول الهجري السابع الميلادي ، لم تكن موجودة في القرن العشرين وفي العصور التي تدعى المدنية والحضارة ، وما حوادث الحرب العالمية الثانية عنا ببعيد ،

فقد اتسمت بالتخريب ومهاجمة الآمنين دون مراعاة لأبسط قواعد الإنسانية ، وإلى وقت قريب كنا نسمع عن حوادث تقشعر لها الأبدان في الجزائر على يد فرنسا التي تعتبر نفسها من الدول المتحضرة.

Ianya dipenuhi dengan kemusnahan dan menyerang orang awam tanpa menjaga hak asasi manusia. Sebelum ini kita mendengar peristiwa yang menyayat hati di Algeria yang dilakukan orang Perancis yang menganggap dirinya antara negara maju

٢- قوة إيمان المسلمين التي جعلتهم يتقدمون لملاقاة جيش يفوق جيشهم في غير تردد أو خوف من الموت في سبيل الله ، فقد حملوا أرواحهم على أكفهم وألقوا بها في وجه كل من يقف في سبيل الدعوة إلى الله.

2. Kekuatan iman tentera Islam yang menyebabkan mereka sanggup mara berdepan tentera musuh yang melebihi bilangan mereka tanpa perasaan ragu-ragu atau takut mati berjuang di jalan Allah. Mereka meletakkan nyawa mereka di bahu dan melontarnya ke muka musuh yang menghalang jalan dakwah kepada agama Allah

٣- موقف الرسول ﷺ من أسر الشهداء فيه توجيه المسلمين إلى ما يجب عليهم نحو المحزونين من مواساة لهم وإعداد طعام يبعثون به إليهم ، لأنهم قد شغلوا بأنفسهم ، أما ما عليه المسلمون الآن من إقامة حفلات أحيطت بأسراف ممقوت ، فهذا ليس من السنة النبوية في شيء.

3. Pendirian Rasulullah s.a.w terhadap keluarga para syuhada mengandungi pesanan kepada orang Islam tentang kewajipan mereka terhadap orang yang berada dalam kesedihan seperti membantu mereka dan menyediakan makanan untuk diberi kepada mereka kerana mereka sibuk mengurus diri mereka. Namun apa yang dilakukan oleh orang Islam sekarang dengan mengadakan sambutan yang dipenuhi dengan pembaziran yang dimurkai. Ini bukanlah sedikitpun dari sunnah nabi

**PEMBUKAAN KOTA MEKAH**

**Ramadhan 8 H / Januari 630 M**

Rasulullah s.a.w bercita-cita membuka kota Mekah kerana ia merupakan kubu kesyirikan dan tempat perlindungan kekufuran. Baginda meletakkan harapan itu kepada penduduk Mekah yang mendapat petunjuk (Islam) dan bersama-sama berada di dalam dakwah Islam. Tetapi bagaimana baginda dapat menjadikannya kenyataan sedangkan baginda terikat dengan perjanjian damai bersama pihak Quraisy, yang mana kedua-dua belah pihak tidak dibenarkan menyerang pihak lain dalam tempoh tersebut.

**Pihak Quraisy Melanggar Perjanjian Hudaibiyah**

Pada akhir tahun ke-8 H, perjanjian Hudaibiyah telah berlalu lebih kurang dua tahun. Dalam tempoh itu, kedua-dua pihak dapat mematuhi isi perjanjian tersebut yang mana antara syaratnya ialah sesiapa yang ingin mengikat perjanjian dengan pihak Quraisy maka dibenarkan dan sesiapa yang ingin mengikat perjanjian dengan Rasulullah s.a.w juga dibenarkan. Puak Khuza'ah[15] telah bersama Rasulullah s.a.w dan puak Bani Bakar bersama pihak Quraisy. Kedua-dua puak ini telah lama bersengketa, tenang seketika dan ketika lain kembali bersengketa. Apabila termeterainya perjanjian damai di antara orang Islam dan Quraisy ini, Bani Bakar mengambil kesempatan dan dibantu oleh sekumpulan orang Quraisy lalu mereka menyerang puak Khuza'ah dan membunuh sebahagian mereka. Maka puak Khuzaah meminta perlindungan dengan sekutu mereka orang Islam dan mengadu orang Quraisy dan Bani Bakar melanggar perjanjian. Mereka menghantar satu rombongan bertemu nabi s.a.w menceritakan apa yang berlaku kepada mereka dan berkata :

[15] Khaza'ah dan Bani Nadir tinggal di pinggir kota Mekah

**فتح مكة**

رمضان سنة ٨ هـ / يناير سنة ٦٣٠ م

كان رسول الله ﷺ يتمنى ويحب أن يفتح مكة فهي حصن الشرك ومعقل الكفر ، وهو يعلق الأمال على هداية أهلها الذين وقفوا ويقفوا دائما في وجه الدعوة الإسلامية ، ولكن أنى له ذلك وهو مرتبط بعهد مع قريش بهدنة لا تحل لأحد الطرفين أن يهاجم الأخر خلالها.

**نقض قريش عهد الحديبية :**

في أواخر السنة الثامنة من الهجرة كان قد مضى على صلح الحديبية سنتان تقريبا ، حافظ المتعاقدان في أثنائهما على مواد المعاهدة التي كان من شروطها ؛ أنه من أحب أن يدخل في عقد مع قريش فليدخل فيه ، ومن أحب أن يدخل في عقد مع رسول الله ﷺ فليدخل فيه – وكانت خزاعة (١٤) قد انضمت إلى رسول الله ﷺ وبنو بكر دخلت في عهد مع قريش ، وكانت بينهما عداوات قديمة هدأت فترات واشتعلت أخرى ، فلما كانت الهدنة بين المسلمين وقريش انتهزتها بنو بكر فرصة وساعدتهم جماعة من قريش فهاجموا خزاعة وقتلوا بعضا منهم ، فلجأت خزعة إلى حلفائها المسلمين تشكو نقض قريش وبني بكر العهد ، وأرسلت وفدا إلى رسول الله ﷺ يخبر بما حدث لهم ويقول :

١٤ كانت خزاعة وبنو بكر يسكنان في ضواحي مكة.

“Wahai tuhan, aku merayu kepada Muhammad # iaitu sekutu antara bapa kami dan bapanya pada masa dahulu.

Kami bagaikan bapa dan kamu bagaikan anak # kemudian kami telah masuk Islam dan tidak akan keluar darinya.

Tolonglah, semoga Allah memberi kemenangan menewaskan musuh # berdoalah semoga hamba-hamba Allah akan datang membantu.

Di kalangan mereka ada utusan Allah yang bersifat zuhud # jika dibiarkan dalam kehinaan, air mukanya akan berubah.

Sesungguhnya pihak Quraisy telah memungkiri janji denganmu # dan melanggar perjanjian yang telah dimeterai.

Mereka menyangka kamu tidak meminta pada seseorangpun # sebenarnya mereka adalah hina dan sedikit bilangannya.

Mereka menyerang kami dengan mengepong di waktu malam # dan mereka membunuh kami ketika kami rukuk dan sujud”.

Maka Rasulullah s.a.w berkata kepada ketua mereka Amru bin Salim al-Khuza’i: “Kamu akan dibantu wahai Amru bin Salim!”. Rasulullah melihat bahawa tindakan pihak Quraisy melanggar perjanjian itu merupakan faktor yang kukuh untuk membuka kota Mekah.

يا رب إني ناشد مُحَمَّدا # حلف أبينا وأبيه الأتلدا [١٦]

والدا كنا وكنتم ولدا # ثمت أسلمنا فلم تنزع يدا

فانصر هداك الله نصرا اعتدا # وادع عباد الله يأتوا مددا

فيهم رسول الله قد تجردا # إن سيم خسفا وجهه تربدا

إن قريشا أخلفوك الموعدا # ونقضوا ميثاقك المؤكدا

وزعموا أن لست تدعو أحدا # وهم أذل وأقل عددا

هم بيتونا بالوتير هجدا # وقتلونا ركعا وسجدا

فقال رسول الله ﷺ لزعيمهم عمرو بن سالم الخزاعي: " نصرت يا عمرو بن سالم "، ورأى الرسول أن نقض قريش للعهد سبب قوي لفتح مكة.

---

١٦ الأتلدا : القديم.

**Persediaan Untuk Membuka Kota Mekah**

Rasulullah s.a.w. tidak memberi peluang kepada pihak Quraisy bersiap sedia untuk berperang maka baginda bertindak ketika mereka dalam kelekaan supaya mereka menyerah diri tanpa menumpahkan darah. Oleh itu, baginda mengeluarkan arahan menyiapkan kelengkapan perang dan mengingatkan tentera Islam agar merahsiakan perkara supaya tidak tersebar berita ini kepada pihak Quraisy di kota Mekah. Pada 8 Ramadhan tahun ke-8 H bersamaan januari tahun 670 Masihi, tentera Islam bergerak dari Madinah menuju kota Mekah untuk membukanya dan menguasai Baitil Haram yang dijadikan Allah sebagai ibadah kepada umat manusia dan tempat yang aman. Pasukan ini diketuai oleh Rasulullah s.a.w sebagai penyatu matlamat ini. Baginda berharap agar dapat memasuki Baitil Haram tanpa sebarang pertumpahan darah. Di pertengahan jalan, beberapa puak turut meyertainya seperti puak Aslam, Muzainah, Ghatfan dan lain-lain sehingga bilangannya mencapai 10,000. Setelah seminggu perjalanan mereka sampai di Marra Zahran[18] lalu berkhemah di situ.

**Abu Sufian Mencari Rahsia**

Rasulullah s.a.w mengarahkan setiap tentera menyalakan api untuk menampakkan kekuatan tentera Islam yang telah hampir dengan kota Mekah. Ini dapat menimbulkan kegerunan dalam hati pihak Quraisy maka mereka akan datang menyerah diri. Abu Sufian bin Harb telah keluar mencari rahsia dan meninjau sejauh mana bahaya dari berita yang telah tersebar di kota Mekah. Dalam kegelapan malam dan berhampiran cahaya api tentera Islam, Abbas bin Abdul Muttalib bertemu beliau lalu memanggilnya. Abu Sufian berhenti dan bertanya kepadanya: “Siapa di belakang kamu itu?”.

[18] Kawasan Oasis jaraknya 30 km dari kota Mekah



**الاستعداد لفتح مكة :**

رأى رسول الله ﷺ ألا يترك لقريش فرصة يتجهزون فيها للحرب ، فيأخذهم على حين غفلة حتى يسلموا من غير أن تراق الدماء ، لذلك أصدر الأوامر بالتعبئة العامة ، وأوصى الجيش بإخفاء الأمر حتى لا تتسرب الأخبار إلى قريش في مكة. وفي ٨ من رمضان من السنة الثامنة للهجرة (الموافق يناير سنة ٦٣٠ م) تحرك جيش المسلمين من المدينة إلى مكة ليفتحها وليضع يده على البيت الحرام الذي جعل الله مثابة للناس وأمنا، وعلى رأسه الرسول صلى الله عليه وسلم وهو موحد الغاية ، وكل أمله أن يدخل البيت الحرام من غير تراق قطرة دم واحدة ، و في أثناء السير انضم إليه فرق من قبيلة أسلم ومزينة وغطفان وغيرها حتى بلغ عدده عشر آلاف ، وبعد أسبوع وصلوا مر الظهران (١٧) فعسكر المسلمون فيه.

**أبو سفيان يستطلع الأخبار :**

وقد أمر رسول الله ﷺ أن يوقد كل فرد نارا لتظهر قوة الجيش الإسلامي القريب من مكة ، فيلقي الرعب في قلوب قريش فتأتي صاغرا للتسليم ، وكان أبو سفيان بن حرب قد خرج يلتمس الأخبار ويستطلع مبلغ الخطر الذي شاعت أنباءه في مكة. وفي جناح الظلام وعلى مقربة من نيران المسلمين لقيه العباس بن عبد المطلب فناداه ، فوقف أبو سفيان وقال له : " ما ورآءك ؟ ".

(١٧) واد كبير يبعد عن مكة بحوالى ٣٠ كيلومترا.

Abbas menjawab: “Ini Rasulullah s.a.w, baginda datang kepada kamu bersama bala tentera yang kamu tidak mampu melawannya”. Abu Sufian bertanya lagi: “Apakah caranya, aku tebus untukmu ayah dan ibuku!”.

Abbas menjawab: “aku nasihatkan kamu naiklah di belakang kenderaanku ini (beliau sedang menunggang Baghal Rasulullah s.a.w). Aku akan bawa kamu berjumpa dengan baginda dan meminta perlindungan untuk kamu”. Abbas berjalan bersama Abu Sufian menuju khemah Rasulullah s.a.w. Abbas berkata: “Ketika aku melalui obor api Umar bin al-Khattab, maka beliau mengenali Abu Sufian lalu beliau bergegas ke khemah nabi s.a.w dan meminta izin untuk memenggal kepalanya. Abbas berkata: “Aku telah memberi perlindungan padanya”. Lalu baginda s.a.w berkata: “Wahai Abbas! kamu bawa dia ke tempatmu dahulu, pagi esok kamu datang kepadaku bersamanya”. Pada pagi keesokannya, Abbas membawa Abu Sufian berjumpa nabi s.a.w dan berlakulah perbualan berikut: “Kasihan kamu wahai Abu Sufian, bukankah sudah sampai masanya kamu mengetahui bahawa Tiada tuhan melainkan Allah?”. Abu Sufian berkata: “Alangkah baiknya budimu dan lapangnya dadamu. Demi Allah aku menganggap andainya ada tuhan lain bersama Allah nescaya aku tidak berhajat sesuatupun”. Rasulullah s.a.w. berkata: “Kasihan kamu wahai Abu Sufian, bukankah sudah sampai masanya kamu mengetahui bahawa aku adalah pesuruh Allah”. Abu Sufian berkata : “Demi Allah, kalimah ini belum ada sedikitpun dalam diriku sehingga sekarang ini”. Maka Abbas mencelah dan berkata kepadanya: “Celaka kamu! masuklah Islam sebelum kepalamu dipancung”. Lalu dia memeluk Islam. Abbas berkata : “Wahai Rasulullah, Abu Sufian ini seorang yang suka kemegahan. Oleh itu, buatlah sesuatu untuknya”. Rasulullah s.a.w berkata: “Baiklah , sesiapa yang masuk ke rumah Abu Sufian, dia akan selamat. Sesiapa yang menutup pintu rumahnya, dia akan selamat, dan sesiapa yang masuk ke Masjidil Haram dia juga akan selamat”.

قال العباس : " هذا رسول الله ﷺ أتاكم بما لا قبل لكم به ". قال أبو سفيان : "فما الحيلة فداك أبي وأمي ؟". قال العباس : " أنصحك بأن تركب ورائي (وكان يركب بغلة رسول الله) فأتيه بك وأستأمن لك. واردف العباس ابا سفيان وسار به نحو خيمة رسول الله ، يقول العباس : "فلما مررت بنار عمر بن الخطاب عرف أبا سفيان ، فأسرع إلى خيمة النبي ﷺ وطلب أن يضرب عنقه ، فقال العباس : " إني قد أجرته ، فقال ﷺ : " اذهب به يا عباس إلى رحلك فإذا أصبحت فأتني به ". فلما كان الصباح جاء به العباس إلى النبي ﷺ وجرى الحديث الآتي : "ويحك يا أبا سفيان ألم يأن لك أن تعلم أنه لا إله إلا الله " ؟. أبو سفيان : " ما أحلمك وأوصلك ، والله قد ظننت أن لو كان مع الله إله غيره لقد أغني شيئا ". الرسول ﷺ : "ويحك يا أبا سفيان ألم يأن لك أن تعلم أني رسول الله ؟ ". أبو سفيان أما هذه فوالله إن في النفس منها حتى الآن شيئا ". فتدخل العباس وقال له : " ويحك أسلم قبل أن تضرب عنقك ". فأسلم ، فقال العباس : " يا رسول الله إن أبا سفيان رجل يحب الفخر فاجعل له شيئا " ، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : " نعم ، من دخل دار أبي سفيان فهو آمن ، ومن أغلق بابه فهو آمن ، ومن دخل المسجد فهو آمن ".

**Tentera Islam Memasuki Kota Mekah**

Selepas itu, Rasulullah mengarahkan Abbas agar berhenti bersama Abu Sufian di jalan sempit yang menghala ke kota Mekah sehinggalah tentera Islam melalui kawasan itu. Maka Abu Sufian dapat melihatnya supaya dia boleh menceritakan kepada kaumnya tentang kekuatan tentera Islam. Kemudian kabilah-kabilah lain lalu di hadapan Abu Sufian dan dia bertanya kepada Abbas tentang kabilah tersebut sehinggalah dia berkata: “Wahai Abbas, tidak ada seorangpun yang sanggup dan mampu menghadapi tentera ini”. Dia pun segera pulang ke kota Mekah, lalu dia berteriak dengan suara yang kuat: “ Wahai kaum Quraisy, Muhammad telah datang kepada kamu dengan tentera yang tidak mampu kamu melawannya. sesiapa yang masuk ke rumah Abu Sufian, dia akan selamat. Sesiapa yang menutup pintu rumahnya, dia akan selamat, dan sesiapa yang masuk ke Masjidil Haram dia juga akan selamat”.

Rasulullah menunggang untanya (al-Qaswa) dan memberi arahan kepada panglima perang agar tidak menyerang melainkan apabila terpaksa berbuat demikian. Mereka berjalan sehingga masuk ke kota Mekah dan tidak berlaku kecuali sedikit tentangan. Tentangan yang besar ialah tentangan yang dihadapi oleh Khalid bin al-Walid, panglima tentera sayap kanan. Dia berjaya membunuh kira-kira 20 orang musuh yang menyekat jalannya dan hanya dua orang tentera Islam yang gugur syahid. Setelah orang Islam berjaya menguasai kota Mekah, Rasullullah s.a.w menoleh ke arah negeri yang aman itu dan bukit yang menjadi tempat perlindungannya ketika teruk menghadapi penyeksaan orang Quraisy. Lalu air mata mengalir di kelopak matanya kerana bersyukur kepada Allah. Kemudian baginda berjalan sehingga sampai di Baitil Haram lalu mengelilinginya sebanyak 7 kali, kemudian mengucup Hajarul Aswad. Orang ramai berkumpul di hadapan Rasulullah di dalam masjid lalu baginda berkhutbah dan membaca kepada mereka firman Allah Taala:
*“Wahai manusia, sesungguhnya kami mencipta kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu”.*

Kemudian baginda bertanya: “ Wahai kaum Quraisy dan penduduk Mekah, apakah yang kamu rasa aku akan lakukan terhadap kamu?”. Mereka menjawab: “(Tentulah) perkara yang baik, (kerana kamu) seorang yang mulia dan anak kepada seorang yang mulia”.

**الجيش يدخل مكة :**

وبعد ذلك أمر الرسول العباس أن يقف مع أبي سفيان على الطريق الضيق المؤدي إلى مكة حتى تمر عليه جنود المسلمين ، فيراها ليحدث قومه عن قوة المسلمين – ومرت القبائل بأبي سفيان وهو يسأل عنها العباس حتى قال : "يا عباس ما لأحد بهؤلاء قبل ولا طاقة "، وأسرع إلى مكة يصيح بأعلى صوته : " يا معشر قريش ، هذا مُحَمَّد قد جاءكم بما لا قبل لكم به ، من دخل دار أبي سفيان فهو آمن ، ومن أغلق بابه فهو آمن ، ومن دخل المسجد فهو آمن ".

وركب الرسول ناقته القصواء وأصدر الأوامر إلى قادة الجيش ألا تقاتل إلا أكرهت على القتال " ، وساروا حتى دخلوا مكة ولم يحدث إلا مناوشات خفيفة ، وأهمها ما لاقاه خالد بن الوليد قائد جناح الأيمن فقد قتل حوالى عشرين رجلا ممن وقفوا في طريقه ولم يقتل من المسلمين سوى اثنين. ولما تم للمسلمين على مكة نظر الرسول ﷺ إلى البلد الأمين وإلى الجبال التي كان يأوي إليها حين يشتد به أذى قريش – فترقرقت في عينيه دمعة شكرا لله – ثم سار حتى بلغ البيت الحرام فطاف به سبعا ، ثم استلم الحجر ، وتكاثر الناس حوله في المسجد فخطبهم وتلا عليهم قوله تعالى : { يأيها الناس إنا خلقناكم من ذكر وأنثى وجعلكم شعوبا وقبائل لتعارفوا إن أكرمكم عند الله أتقكم } (١٩) ثم قال : " يا معشر قريش ويا أهل مكة ما ترون أني فاعل بكم ؟". قالوا : " خيرا أخ كريم وابن أخ كريم ".

---

١٩ الآية رقم ١٣ من سورة الحجرات.

Baginda berkata: “Pergilah, kamu semua dibebaskan”. Dengan kat-kata ini, diisytiharkan kemaafan untuk seluruh penduduk Mekah. Begitulah jatuhnya tempat penyembahan berhala yang terbesar di tanah Arab pada 20 ramadhan 8 Hijrah.

**Pembersihan Kaabah Daripada Segala Berhala**

Rasulullah s.a.w masuk ke dalam Kaabah, di dalam dan luarnya terdapat berhala yang dipuja oleh orang Quraisy. Maka baginda menunjuk ke arahnya dengan ranting kayu di tangannya dan berkata: “Kebenaran telah menjelma dan hilanglah kebatilan. Sesungguhnya kebatilan itu pasti hilang”.

Baginda mengarahkan agar mengeluarkan dan memusnahkan berhala itu serta membersihkan Baitil Haram daripadanya. Setelah keamanan dicapai secara keseluruhannya, nabi s.a.w mula menghantar pasukan tentera kecil kepada kabilah yang berdekatan dengan kota Mekah untuk mengajak mereka kepada Islam dan memusnahkan berhala. Maka dimusnahkan berhala al-Uzza, Manat dan Suwa’[21]. Dengan ini, kehebatan berhala itu mula hilang dari jiwa Quraisy dan kekuasaannya turut tenggelam. Dunia arab mulai bersinar dengan cahaya tauhid yang bergemerlapan.

[21] **‘Uza** ialah berhala dari arah kebun kurma di antara kota Mekah dan Taif, **Manat**: ialah berhalabagi kaum Aus dan Khazraj di bukit berhampiran Laut Merah, **Suwa’** ialah berhala: bagi kaum Huzail yang tinggal 3 batu dari kota Mekah



قال: " اذهبوا فأنتم الطلقاء ". وبهذه الكلمة صدر العفو العام عن أهل مكة جميعا. وهكذا سقط أكبر معقل للوثنية في بلاد العرب في ٢٠ من رمضان سنة ٨ هـ.

**تطهير الكعبة من الأصنام :**

دخل رسول الله ﷺ الكعبة ، وكان بداخلها وخارجها أصنام تعبدها قريش فأخذ يشير إليها بقضيب في يده ويقول : " جاء الحق وزهق الباطل إن الباطل كان زهوقا ".

وأمر بإخراجها وتحطيمها وتطهير البيت الحرام منها. وبعد أن استتب الأمن بوجه العام أخذ النبي ﷺ يرسل السرايا إلى القبائل المجاورة لمكة يدعوها إلى الإسلام وتحطيم الأصنام ، وهدمت العزى ومناة وسواع (٢٠) ، وبذلك ذهبت هيبة الأوثان من النفوس وزال سلطانها ، واستنار العالم العربي بنور التوحيد الوضاء.

[٢٠] العزى : صنم بجهة نخلة بين مكة والطائف ، مناة : صنم للأوس والخزرج على جبل بالقرب من البحر الأحمر ، وسواع : صنم لهذيل على بعد ثلاثة أميال من مكة.

**Kesan Pembukaan Kota Mekah**

1. Islam berjaya menghapuskan penyembahan berhala dan syirik di kebanyakan kawasan semenanjung Arab serta mengemukakan peraturan dan undang-undang baru yang memberi kebahagiaan dan meninggikan (kedudukan mereka)

2. Islam berjaya menghapuskan zaman permusuhan di antara kabilah, lalu mereka berubah kepada menyebarkan Islam dan mengagungkannya

**Pengajaran Daripada Pembukaan Kota Mekah**

**1. Memberi maaf ketika berkemampuan**

Selepas kota Mekah sempurna dibuka dan orang ramai berkumpul di hadapan Rasulullah s.a.w, baginda memerhati dan melihat di kalangan mereka ada orang yang pernah bersepakat untuk membunuhnya dan orang yang memeranginya di medan Badar serta orang yang bersungguh-sungguhn menentangnya di medan Uhud. Mereka mengepongnya dalam peperangan Khandak dan menyeksanya dan sahabat-sahabatnya. Baginda memandang mereka dan ketika itu semuanya berada dalam kuasa baginda, arahannya akan terlaksana di leher-leher mereka. Nyawa mereka terletak pada kata-kata yang akan dituturkan oleh nabi s.a.w. Walaupun begitu, baginda memandang mereka dengan pandangan kemaafan dan rahmat sambil berkata kepada mereka: “Pergilah, kamu semua dibebaskan”. Ini adalah contoh terbaik kepada seluruh dunia tentang ketinggian jiwa dan sifat memaafkan ketika berkuasa

**2. Menjaga kehormatan darah (mengelak daripada pertumpahan darah)**

Begitu juga contoh terbaik dalam menjaga kehormatan darah dengan mengeluarkan arahan kepada panglima perang agar tidak menumpahkan darah kecuali apabila terpaksa berbuat demikian. Kesan daripada politik ini, Rasulullah dapat melembutkan hati penduduk Mekah lalu mereka menerima Islam sama ada remaja, orang tua dan wanita. Orang yang tidak menerimanya adalah orang yang ada sifat dengki dan dikuasai oleh sifat angkuh

**نتائج فتح مكة :**

١- قضى الإسلام على الوثنية والشرك في أغلب جزيرة العرب وأنشاء لها نظما وتشريعات جديدة سعدت بها وارتقت.

٢- قضى على عهد الصراع بين القبائل فانصرفت إلى نشر الإسلام وتعزيزه.

**العبر من فتح مكة :**

**١. العفو عند المقدرة**

بعد أن تم فتح مكة واجتمع الناس حول رسول الله صلى الله عليه وسلم نظر ، فرأى منهم من ائتمروا به ليقتلوه ، ومن قاتلوه في بدر ، وأمنعوا له العداء في أحد، وحصروه في غزوة الخندق ، وعذبوه وأصحابه ، نظر إليهم وهم جميعا في قبضة يده — أمره نافذ في رقابهم ، وحياتهم رهن كلمة ينطق بها — ومع كل هذا فقد نظر إليهم نظرة كلها عفو ورحمة قائلا لهم : " اذهبوا فأنتم الطلقاء ". فكان مثلا أعلى للعالم كله في سمو النفس والعفو عند المقدرة.

**٢. المحافظة على الدماء**

كما ضرب المثل في المحافظة على الدماء بإصدار الأوامر إلى قادة الجيوش ألا تسفك دما إلا إذا أكرهت إكراها. وقد كان من أثر هذه السياسة أن كسب الرسول قلوب أهل مكة ، فأقبل على الإسلام فتيان قريش وشيوخها ونسائها ، ولم يحجم منهم إلا نفر أكل الحسد قلوبهم وسيطر العناد على أفئدتهم.

## PEPERANGAN HUNAI DAN PENGEPUNGAN TAIF

## (BULAN SYAWAL 8 HIJRAH)

Kaum Hawazin dan Thaqif begitu marah setelah mengetahui kemenangan umat Islam di Mekah, maka mereka bersiap sedia untuk menghalang nabi Muhammad saw yang berusaha untuk membebaskan puak-puak Arab.

**Persediaan Musuh (Hawazin dan Thaqif)**

Hawazin dan Thaqif menghantar utusan ke tempat utama mereka dan cawangannya untuk meminta mereka mengumpul kuda-kuda dan kaum lelaki di (Lembah Autas) berhampiran Taif, dan tugas ini diserahkan kepada (Malik bin Auf).

Malik bin Auf mengarahkan kaum lelaki kabilah-kabilah ini membawa bersama mereka bintang ternakan, harta, wanita dan kanak-kanak. Mereka meletakkannya di bahagian belakang tentera untuk memberi semangat kepada kaum lelaki untuk bermati-matian mempertahankan harta benda dan isteri mereka.

Kemudian beliau mengumpulkan pasukannya mencecah 20, 000 tentera yang menunggu di kawasan sempit Wadi tersebut dan menunggu kedatangan tentera Islam (seterusnya melakukan serangan hendap).

## غزوة حنين وحصار الطائف

## (شوال ٨ هـ)

إن هوازن وثقيفا تميزت غيظا لما علمت بانتصار المسلمين في مكة ، فأخذت تعد العدة لصد الرسول مُحَمَّد ﷺ الذي أخذ يعمل للقضاء على استقلال قبائل العرب.

**استعداد الأعداء (هوازن وثقيف)**

أرسلت هوازن وثقيف إلى بطونها وفروعها تطلبان إليهم أن يجتمعوا بخيلهم ورجلهم عند (وادى أوطاس ) قرب الطائف , وأسندت إلي (مالك ابن عوف).

أمر مالك رجال القبائل أن يسوقوا معهم إلى الحرب .المواشي والأموال والنساء والاطفال وجعلهم فى مؤخرة الجيش ليثيروا الرجال إلى الاستماتة فى الدفاع عن متاعهم وحريمهم.

ثم صف جموعه وكانت تبلغ ٢٠ ألفا فى كمين عند مضيق الوادي وانتظروا قدوم الجيش الاسلامى

**Persediaan pasukan tentera dan perjalanannya**:

Umat Islam bergerak meninggalkan Mekah pada hari Sabtu 6 Syawal tahun 8 Hijrah menuju ke Lembah Hunain, jumlahnya 12,000 tentera antaranya 10,000 tentera yang membuka kota Mekah dan 2000 di kalangan orang Qurai yang memeluk Islam. Tentera Islam berjalan dengan bunyi suara kuda dan pedang dalam keadaan rasa kagum kerana ramai bilangan mereka dan berbangga dengan kekuatan mereka.

**اعداد الحملة وسيره:**

أما المسلمون فغادروا مكة يوم السبت ٦ من شوال سنة ٨ هـ إلى وادى حنين فى اثنى عشر ألفا من المقاتلين منهم عشرة اللآف هم الذين فتحوا مكة ، ألفان ممن أسلم من قريش ، وسار المسلمين صهيل الخيل وبريق السيوف معجبين بكثرتهم ، فخورين بقوتهم.

**Peperangan tercetus:**

Tentera Islam bergerak di sebelum waktu Subuh, belum sempat tentera barisan melintasi pintu masuk lembah tersebut, tiba-tiba muncul pasukan serang hendap menyerang mereka dengan satu serangan pantas dan menghujani mereka dengan anak panah yang begitu banyak dan dapat mengalahkan tentera Islam barisan pertama.

Semua tentera Islam melarikan diri, sebahagian daripada mereka yang lemah imanya mengeluh sambil berkata: "Tidak berakhir kekalahan mereka kecuali (lari) ke laut".

**القتال :**

قبيل الفجر تحركت الجيش الاسلامى ، ولم تكد الطلائع تتقدم إلى مدخل الوادى حتى خرج لهم الكمين وشدوا عليهم شدة رجل واحد وأمطروهم بوابل من النبال وانقضوا على أولى صفوف المسلمين.

ولجأ الكل إلى الفرار ، وتحدث بعض من ضعاف الايمان فى شماتة قائلا : (لا تنتهى هزيمتهم دون البحر)

**Pendirian Rasulullah saw dan keberanian baginda:**

Nabi saw tetap berada di tempatnya bersama sekumpulan orang Muhajirin dan Ansor. Antara mereka ialah Abbas bin Abdul Muttalib, Abu Bakar, Omar dan Usama bin Zaid. Nabi saw menyeru tentera Islam agar bertahan dan tidak berganjak. Baginda menunggan kudanya berwarna putih, mara ke arah musuh sambil berkata: (Aku nabi tidak tidak dusta. saya keturunan Abdul Muttalib)

**موقف الرسول صلى وشجاعته :**

والنبى ﷺ ثابت في مكانه ومعه جماعة من المهاجرين والانصار ..منهم العباس بن عبد المطلب وأبو بكر وعمر وأسامة بن زيد ، فأخذ النبى ﷺ ينادى القوم بالثبات وهو راكب بغلته البيضاء يركضها نحوى العدو ، وهو يقول : (أنا النبي لا كذب .أنا ابن عبد المطلب )

**Kemenangan Selepas Kekalahan**:

Rasulullah saw mengarahkan al Abbas bin Abdul-Muttalib, beliau bersuara lantang, supaya menyeru tentera Islam. Lalu beliau bersuara: Wahai golongan Ansor yang memberi perlindungan dan membantu (Rasulullah), Wahai golongan Muhajirin yang berjanji setia di bawah pokok, segeralah kembali. Ini Rasulullah saw (masih berjuang).

Lalu mereka bangkit dan berteriak dari segenap sudut (kami menyahut seruanmu wahai Rasulullah) sehinggalah mereka dapat menyusun kembali barisan tentera. Hawazin telah turun dari kedudukannya maka terjadi peperangan secara berdepan antara tentera Hawazin dan Islam. Kemudian golongan Ansor menyerang dan berlkulah peperangan yang sengit.

Apabila Hawazin melihat mereka akan ditimpa kemusnahan dan semua harapan kemenangan telah lenyap, lalu mereka berundur dan kalah, lalu tentera Islam mengejar dan dapat membunuh, menawan tahanan dan merampas harta perang yang ditinggalkan.

**Harta rampasan perang tentera Islam**:

Harta rampasan perang tentera Islam ialah 24,000 ekor unta, 40,000 ekor biri-biri dan 40.000 auns Perak dan 600 orang tahanan. Semua harta rampasan perang ini dibawa pulang dengan kawalan ketat ke Lembah Ja'ranah[23].

**Pengepungan Taif**

Nabi saw dan tentera Islam hilang terus mengejar pihak musuh sehingga mereka berlindung ke kawasan berbukit dan ke Taif, tetapi tentera Islam tidak dapat menghancurkannya kerana kubu-kubunya kukuh. Maka terpaksa meninggalkan perkara tersebut kerana itu bukanlah satu kebaikan bagi tentera Islam untuk mengorbankan banyak nyawa lagi.

[23] kawasan jaraknya lebih kurang 40 km dari kota Mekah

**الأنتصار بعد الهزيمة :**

أمر رسول الله ﷺ العباس بن عبد المطلب ، وكان جهورى الصوت ، أن ينادي في الناس ، فنادى : يا معشر الأنصار الذين آووا ونصروا ، يا معشر المهاجرين الذين بايعوا تحت الشجرة هلموا .هذا رسول الله ﷺ.

فرفعوا يتصايحون من كل جهة (لبيك لبيك) حتى انتظم عقدهم ، وكانت هوازن قد انحدرت من مكانها وأصبحت وجها لوجه أمام المسلمين، وهجم الأنصار واشتد القتال.

فلما رأت هوازن أنهم معرضون للفناء ، وأن كل أمل فى النصر قد غاض ، ولو الأدبار منهزمين، فتبعهم المسلمون يقتلون ويأسرون وغنموا مؤخرة.

**غنائم المسلمون :**

كانت غنائم المسلمين ٢٤,٠٠٠ من الابل و ٤٠,٠٠٠ من الشياة و ٤٠.٠٠٠ أوقية من الفضة و ٦٠٠ من الأسرى وقد نقلت كلها فى حراسة قوية إلى وادي الجعرانة[٢٢]

**حصار الطائف**

أما النبى ﷺ والمسلمون فقد تابعوا مطاردة العدو حتى ألجئوهم الى صياصى الجبال وإلى الطائف ، ولكنها استعصت عليه لسورها الحصين. فآثر تركها لأنه ليس من مصلحة المسلمين بذل ضياحا كثيرة.

[٢٢] تبعد عن مكة حوالي ٤٠ كيلو مترا

**Pembahagian harta rampasan**

Rasulullah saw telah memberikan banyak harta kepada orang Quraisy dan Arab badawi yang baru memeluk Islam. Abu sufyan bin Harb mendapat 40 auns Perak dan 100 ekor unta dan baginda memberikan 50 ekor unta kepada yang mereka lebih rendah kedudukannya.

**Kesan Peperangan Hunain**:

1. kemenangan umat Islam dalam peperangan Hunain merupakan peperangan besar terakhir yang dapat dilakukan orang-orang Arab menentang Islam dan umat Islam dan Hijaz yang telah dibuka sepenuhnya oleh umat Islam.
2. Selepas itu banyak delegasi dari puak-puak Arab datang mengisytiharkan keislaman mereka dan tunduk kepada kerajaan Islam.

**Pengajaran dari Peperangan Hunain**:

Perasaan megah diri sentiasa menjadi punca kejahatan dan ujian. Apabila umat Islam sudah merasakan hebat dengan ramainya jumlah mereka dalam peperangan Hunain, maka mereka ditimpa kekalahan. Setelah mereka membuang tirai perasaan megah diri dan bergantung sepenuhnya kepada Allah, dan meminta kekuasaanNya, maka Allah jadikan mereka selepas kesukaran itu dengan kemudahan malah kekalahan mereka itu adalah satu kemenangan.

**تقسيم الغنائم**

أعطى رسول الله ﷺ الكثير من الأموال الحديثى الاسلام من قريش والأعراب، ما أخذه أبو سفيان بن حرب ٤٠ أوقية من الفضة و ١٠٠ من الابل. أعطى خمسين من الابل لمن كان دون هؤلاء شأنا.

**نتائج غزوة حنين** :

١. بانتصار المسلمين فى حنين زالت آخر مقاومة كبيرة كانت العرب تستطيع توجيهها ضد الاسلام والمسلمين وتم فتح الحجاز عمليا.

٢. أقبلت بعد ذلك وفود كثيرة من القبائل تعلن دخولها فى الدين الاسلامى وخضوعها للدولة الاسلامية.

**العبرة من غزوة حنين**:

كان الغرور ولا يزال أساس الشر والبلاء، فالمسلمون حينما اغتروا بكثرتهم يوم حنين حاقت بهم الهزيمة ، فلما نزعوا ثوب الغرور واعتمد على الله ، ولجئوا الى قوته، جعل الله لهم مع العسر يسرا وبل هزيمتهم نصرا.

**PEPERANGAN TABUK[25] / AL-‘USRAH**

**Rejab tahun 9 H**

Tidak ada satu kawasan pun dari semenanjung tanah Arab melainkan mereka merasa aman dengan pemerintahan Islam. Tidak ada satu kabilah Arab pun yang cuba menentang pemerintahan ini. Ketika baginda s.a.w berusaha untuk memeperkukuhkan asas kerajaan Islam yang gemilang ini, tiba-tiba datang berita dari negara Rom bahawa mereka telah bersiap untuk menyerang negara Arab di sebelah utara. Oleh itu baginda s.a.w bercita-cita untuk menghadapi sendiri tentera itu dan menghapuskannya seterusnya menggagalkan setiap rancangan untuk menyerang orang Islam. Walaupun ketika itu cuaca terlalu panas dan jaraknya yang begitu jauh yang memerlukan kesabaran dan bekalan yang banyak.

**Seruan Rasulullah S.A.W Kepada Jihad Dan Keikhlasan Para Sahabat**

Rasulullah mula menghebohkan kepada orang Islam mengenai cita-citanya untuk keluar memerangi kerajaan Rom. Baginda tidak bimbang dengan sokongan daripada orang Islam sebagaimana kebiasaannya dalam kebanyakan peperangan, bahkan baginda menyatakan kepada mereka tujuannya supaya mereka bersiap sedia dan menyediakan kelengkapan perang. Baginda mengirim utusan kepada mereka untuk mengajak mereka berperang dan menggalakkan mereka menyumbang untuk peperangan. Baginda juga menggesa orang-orang Islam yang kaya supaya turut serta dalam meyiapkan angkatan tentera dengan harta yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka. Kebanyakan orang Islam menyahut seruan baginda, mereka datang berduyung-duyung sehingga padang pasir yang luas menjadi sempit. Mereka membawa kuda dan unta bersama mereka yang lengkap dengan senjata. Mereka tidak menghiraukan keperitan perjalanan dan cuaca yang panas terik. Para sahabat yang terkemuka berlumba-lumba membelanjakan harta dan membeli senjata. Abu Bakar r.a membawa seluruh hartanya, maka Rasulullah s.a.w bertanya: “Adakah kamu tinggalkan kepada keluargamu apa-apa harta?”. Beliau menjawab: “Aku tinggalkan kepada mereka Allah dan Rasul-Nya”. Uthman

[25] Tabuk ialah kawasan antara Wadi Qura dan Syam



**غزوة تبوك (٢٤) أو العسر**

رجب سنة ٩ هـ

لم يبق من شبه الجزيرة ناحية من النواحي إلا أحست بسلطان المسلمين ، ولم تحاول أية قبيلة من قبائل أن تقاوم هذا السلطان ، وبينما كان ﷺ يعمل على تثبيت دعائم الدولة الإسلامية المظفرة ، إذ جائته أخبار من بلاد الروم أنها قد تجمعت لغزو بلاد العرب الشمالية. ولذلك عزم عليه الصلاة والسلام على مواجهة هذه القوى بنفسه والقضاء عليها قضاءا يبدد كل أمل في الهجوم على المسلمين ، على الرغم من أن الوقت كان شديد الحرارة والمسافة طويلة تحتاج إلى الصبر وكثر الزاد.

**دعوة الرسول ﷺ إلى الجهاد وإخلاص الصحابة :**

فاتح الرسول الناس بعزمه على الخروج لقتال الروم ، ولم يخف الجهة عن المسلمين كما كانت عادته في كثير من الغزوات ، بل أفضى إليهم بالغرض منها ليتأهبوا ويأخذ العدة ، وأرسل إليهم يستنفرهم ويحثهم على التبرع ، كما حض أثريآء المسلمين على المشاركة في تجهيز الجيش بما أتاهم الله من فضله.واستجابت الكثرة من المسلمين لهذه الدعوة فأقبلوا جماعات حتى ضاقت بهم فضاء الصحراء يسوقون أمامهم خيلهم وإبلهم ، مدرعين باسلحتهم لم تمنعهم مشقة الطريق ولا شدة الحر وتبارى كبارهم في الإنفاق وشراء السلاح ،

٢٤ تبوك : موضع بين وادي القرى والشام.

bin Affan r.a juga tidak berlengah dengan menguruskan satu pertiga kelengkapan tentera daripada hartanya.

**Golongan Yang Kecewa**

Ramai orang fakir datang meminta izin daripada Rasulullah agar membawa mereka bersamanya. Maka baginda hanya membawa sebahagian mereka dan menolak sebahagian yang lain. Mereka (yang tidak dapat berperang) beredar dan air mata mereka mengalir kerana kesedihan disebabkan mereka tidak mempunyai apa-apa untuk disumbangkan. Firman Allah s.w.t: “Dan tidak pula berdosa orang-orang yang datang kepadamu supaya engkau membawa mereka (pergi berperang), lalu engkau berkata kepada mereka: “Aku tidak ada perbelanjaan untuk membawa kamu”. Lalu mereka beredar sedangka air mata mereka bercucuran kerana berdukacita disebabkan mereka tidak ada perbelanjaan (untuk berperang)”.

**Perjalanan Pasukan Tentera**

Sekumpulan orang Munafik datang meminta uzur (daripada berperang) dan bersumpah dengan nama Allah sambil berkata: “Sekiranya kami mampu nescaya kami turut keluar berperang bersamamu”. Sedangkan Allah mengetahui bahawa mereka itu berdusta. Mereka juga menghalang sebahagian mereka daripada keluar berperang dalam cuaca yang panas membakar. Maka Allah membongkar rahsia mereka dengan firmannya: “Mereka berkata: “Janganlah kamu keluar berperang dalam cuaca yang panas ini”. Katakanlah (wahai Muhammad): “Api neraka adalah lebih panas andainya mereka itu memahaminya”. Walaupun begitu, bilangan tentera Islam mencecah kira-kira 30,000 orang termasuk, 10,000 tentera berkuda.

**Masa Perjalanan Pasukan Tentera**

Tentera Islam berkumpul dan Rasulullah memberi panji perang kepada Abu Bakar as-Sidiq. Kemudian mereka bergerk menuju ke Syam dengan merentasi padang pasir di tengah-tengah lautan suara kuda dan unta sehingga sampai di Tabuk. Mereka tidak menemui tentera Rom lalu mereka berkhemah di situ selama 30 hari. Rasulullah s.a.w merasakan tidak selamat untuk menjejaki tentera Rom di dalam negeri, lalu baginda berhenti di sempadan menantikan tentera musuh yang akan menyerangnya.

فجاء أبو بكر – رضي الله عنه – بكل ماله ، فقال له الرسول ﷺ : " هل أبقيت لأهلك شيئا ؟ ". قال : " أبقيت لهم الله ورسوله ". كما أسرع عثمان بن عفان رضي الله عنه بتجهيز ثلث الجيش من ماله.

**البكاءون :**

وأقبل كثير من الفقراء يطلبون من رسول الله أن يحملهم معه ، فحمل بعضهم واعتذر إلى الباقين ، فتوبوا وأعينهم تفيض من الدمع حزنا ألا يجدوا ما ينفقون. قال تعالى : { ولا على الذي إذا ما أتو لتحملهم قلت لا أجد ما أحملكم عليه تولوا وأعينهم تفيض من الدمع حزنا ألا يجدوا ما ينفقون } (٢٦).

**سير الحملة :**

وجاءت جماعة من المنافقين يلتمسون الأعذار ويحلفون بالله قائلين : " لو استطعنا لخرجنا معكم – والله يعلم أنهم لكاذبون – كما كانوا يمنعون بعضهم من الغزو في الجو المحرق ، ففضح الله أمرهم بقوله تعالى : { وقالوا لا تنفروا في الحر قل نار جهنم أشد حرا لو كانوا يفقهون } (٢٧). ومع هذا فقد بلغ عدد الجيش الإسلامي ثلاثين ألفا تقريبا فيهم عشرة آلاف من الفرسان.

٢٦ الآية رقم ٩٢ من سورة التوبة.

٢٧ من الآية رقم ٨١ من سورة التوبة.

**Pendirian Ketua Kabilah Yang Berada Di Kawasan Sempadan**

Yuhana bin Rukyah iaitu ketua Ailah yang menjadi pemimpin kabilah-kabilah Kristian dan Yahudi di kawasan itu. Nabi s.a.w menghantar sepucuk surat memberitahunya: sama ada tunduk, patuh ataupun berperang. Beliau memilih yang pertama dan datang berjumpa nabi dengan mengisytiharkan taat setia. Rasulullah pun mengikat satu perjanjian yang dipersetujui bersama iaitu mereka membayar cukai sebanyak 300 dinar setiap tahun. Begitu juga ketua kabilah Azrah dan Hirbak datang bertemu baginda untuk meminta jaminan keselamatan dan bersekutu dengan orang Islam. Tidak ada lagi di hadapan Rasulullah s.a.w ( yang menentang) kecuali ketua Daumatul Jandal yang masih ada sikap bermusuh. Maka baginda menghantar kepadanya Khalid bi al-Walid bersama kira-kira 500 berkuda. Selepas itu baginda pulang ke Madinah. Khalid segera pergi ke Daumah al-Jandal dan menyerangnya ketika ketuanya sedang leka. Beliau tidak menghadapi sebarang tentangan dan menawan Bandar itu selepas ketuanya menjadi tawanan. Beliau berjaya merampas 2,000 ekor unta, 800 ekor kambing, 400 helai baju perang dan gandum yang banyak. Kemudian beliau pulang ke Madinah bersama harta rampasan dan tawanan. Rasulullah s.a.w menawarkan Islam kepada ketua Daumah al-Jandal itu lalu beliau memeluk Islam dan menjadi sekutu orang Islam.

**Kedudukan Orang Yang Tidak Menyertai Perang (Tanpa Keuzuran) Selepas Kepulangan Rasulullah S.A.W**

Keadaan orang yang tidak menyertai peperangan Tabuk begitu gelisah dan mereka segera bertemu Rasulullah s.a.w untuk memberitahu alasan-alasan mereka yang dusta ,maka baginda menolak alasan mereka itu. Tetapi ada tiga orang daripada mereka itu yang membenarkan Allah dan Rasul-Nya dan mereka menyesal atas apa yang berlaku kepada mereka. Rasulullah menyuruh orang Islam memutuskan hubungan dengan mereka, sehingga mereka merasakan bumi yang begitu luas ini telah sempit dan jiwa mereka tertekan.

**مسير الحملة :**

اجتمع الجيش الإسلامي وأعطى الرسول لواءه لأبي بكر الصديق ، ثم تحرك صوب الشام محترقا الصحراء وسط صهيل الخيل ورغاء الإبل حتى وصل إلى تبوك ، فلم يجد فيها جيشا للروم ، فعسكر فيها حوالي ثلاثين يوما ، ولم ير الرسول ﷺ محلا لتتبعهم داخل بلادهم وأقام عند الحدود ينازل من شاء أن ينازله متحديا أية قوة تأتيه.

**موقف أمراء الحدود :**

وكان يوحنا بن رؤية أمير ايلة (٢٨) واليا على القبائل المسيحية واليهودية في هذه المنطقة ، فوجه إليه النبي ﷺ رسالة يخبره فيها ؛ إما الإذعان وإما الحرب ، فآثر الأولى وأقبل على الرسول معلنا الطاعة ، وعقد الرسول معه معاهدة اتفق فيها على أن يدفع جزية قدرها ثلثمئة دينار كل عام ، كما وفد عليه أميرا قبيلتي أذرح (٢٩) وحرباء يطلبان تأمينها ومحالفة المسلمين ، فصالحهما الرسول على الجزية. لم يكن أمام الرسول ﷺ إلا أمير دومة الجندل الذي كان يتوقع منه العداء ، فبعث إليه خالد بن الوليد في قرابة خمسمائة فارس ، وعاد هو بعد ذلك إلى المدينة. وأسرع خالد إلى دومة الجندل فانقض عليها في حين غفلة من أميرها ، فلم يلق مقاومة تذكر ،

---

[٢٨] أيلة : تقع على خليج العقبة.
[٢٩] من أرض الشام من نواحي عمان.

Mereka terpaksa menanggung pengajaran yang memeritkan ini selama 50 hari sehinggalah Allah menerima taubat dan mengampunkan mereka. Allah Taa'la berfirman: "(Allah menerima taunbat) tiga orang yang tidak pergi berperang, sehingga apabila bumi yang luas menjadi sempit untuk mereka dan jiwa mereka tertekan, lalu mereka menyangka bahawa tiada tempat berlindung dari (seksa) Allah melainkan kepada-Nya. Kemudian Allah menerima taubat mereka supaya mereka bertaubat. Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".

**Kesan Peperangan Tabuk**

1. Jantung golongan Munafik bergoncang, mereka menjadi takut, terasing, hilang kekuatan dan tidak ada di kalangan mereka kecuali orang yang ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya

2. Jantung golongan Munafik bergoncang, mereka menjadi takut, terasing, hilang kekuatan dan tidak ada di kalangan mereka kecuali orang yang ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya

3. Peperangan Tabuk merupakan peperangan terakhir bagi nabi s.a.w. Selepas itu nabi menetap di Madinah dalam suasana yang baik dengan apa yang diberikan Allah kepadanya dan tenang jiwanya dengan kemenangan yang dijanjikan ini

**Antara Pengajaran Peperangan Tabuk**

1. Peperangan ini menzahirkan bahawa sifat Munafik pasti terbongkar jua ketika waktu terdesak. Orang Munafik ini begitu takut dengan cuaca yang begitu panas. Mereka juga ingin melemahkan semangat orang Mukmin, mereka berkata: "Jangan kamu keluar berperang dalam cuaca yang panas ini", lalu Allah membongkar sifat Munafik mereka dan menjawab kata-kata mereka itu dengan firman-Nya: "Jangan kamu keluar berperang dalam cuaca yang panas ini". Katakanlah wahai Muhammad: "Api neraka adalah labih panas sekiranya mereka mengetahuinya. Maka hendaklah mereka ketawa sedikit dan banyak menangis, kerana balasan apa yang mereka usahakan"

وفتحت له المدينة أبوابها بعد أن وقع أميرها في الأسر وغنم منها ألفي بعير وثمانمائة شاة وأربعمائة درع وقدرا كبيرا من البر ، ثم عاد إلى المدينة ومعه الغنائم والأسرى ، فعرض الرسول ﷺ الإسلام على أمير دومة الجندل فأسلم وأصبح حليفا للمسلمين.

**موقف المتخلفين بعد عودة الرسول ﷺ :**

اضطرب أمر الذين تخلفوا عن غزوة تبوك وجاءوا إلى الرسول ﷺ يعرضون معذرتهم الكاذبة ، فأعرض عنهم. ولكن ثلاثة (٣٠) من المعتذرين صدقوا الله ورسوله وندموا على ما فاتهم ، فأمر الرسول المسلمين أن يقاطعوهم حتى ضاقت عليهم الأرض بمارحبت وضاقت عليهم أنفسهم ، واحتملوا هذا الدرس القاسي خمسين يوما حتى تاب الله عليهم وعاف عنهم. قال تعالى : {وعلى الثلثة الذين خلفوا حتى ضاقت عليهم الأرض بما رحبت وضاقت عليهم أنفسهم وظنوا أن لا ملجأ من الله إلا إليه ثم تاب عليهم ليتوبوا إن الله هو التواب الرحيم} (٣١).

---

[٣٠] هم : كعب بن مالك ، ومرارة بن الربيع ، وهلال بن أمية.

[٣١] الآية رقم ١١٨ من سورة التوبة

## نتائج غزوة تبوك :

١- ارتعدت فرائص المنافقين ؛ فخافوا وانعزلوا وانهارت قواهم ، ولم يبق منهم إلا من أخلص لله ورسوله.

٢- أمن ﷺ على شبه الجزيرة ؛ وتكاثرت الوفود من نواحيها تقدم طاعتها وولاءها للمسلمين.

٣- كانت غزوة تبوك خاتمة غزوات النبي ﷺ ، ومن بعدها أقام النبي بالمدينة مغتبطا بما أفاء الله عليه مطمئنة نفسه بهذا النصر الذي وعد به.

## بعض العبر في غزوة تبوك :

١- أظهرت هذه الغزوة أن النفاق لا بد أن يفتضح أمره في وقت الشدة، فهؤلاء المنافقون خافوا من الحر الشديد، فأرادوا أن يثبطوا همة المؤمنين وقالوا لهم : "لاتنفروا في الحر، فكشف الله نفاقهم ورد عليهم بقوله:{لاتنفروا في الحر قل نار جهنم أشد حرا لو كانوا يفقهون * فليضحكوا قليلا وليبكوا كثيرا جزاء بما كانوا يكسبون }([٣٢]).

٢- أن الله عز وجل يفتح باب التوبة أمام المذنبين إذا اعترفوا بذنوبهم وندموا على ما فرط منهم ، فهؤلاء الثلاثة تخلفوا دون عذر عن هذه الغزوة حينما أدركوا خطأهم وندموا وتابوا غفر الله لهم وتاب عليهم.

2. Allah s.w.t sentiasa membuka pintu taubat kepada orang-orang yang berdosa apabila mengakui kesalahan mereka dan menyesal atas apa yang mereka lakukan. Ketiga-tiga sahabat ini yang tidak menyertai peperangan ini tanpa keuzuran ketika mana mereka menyedari kesilapan mereka dan menyesal serta bertaubat,lalu Allah ampunkan dan menerima taubat mereka itu

[٣٢] من الآية رقم ٨١ ، والآية رقم ٨٢ من سورة التوبة.

## الوفود إلى النبي ﷺ

**HAJI PERPISAHAN**

**Tahun 10 H / 632 M**

Bulan Zulkaedah tahun 10 Hijrah menjelma, namun Rasulullah s.a.w belum pernah menunaikan fardhu haji sedangkan orang Islam berhajat kepada seseorang yang boleh menunjukkan mereka cara mengerjakannya secara praktikal.

Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w mengajak manusia mengerjakan haji bersamanya. Maka orang ramai datang ke Madinah sehingga bilangan mereka mencapai 100,000 orang atau lebih.

Pada 25 Zulkaedah, rombongan bakal haji bertolak dari Madinah dalam keadaan begitu gembira dan Rasulullah s.a.w mengetuai rombongan ini ke Baitillah al-Haram. Apabila mereka sampai ke Zulhalifah[34], mereka bermalam di sana. Pada keesokannya, nabi s.a.w dan orang Islam berniat ihram, lalu mereka menanggalkan pakaian yang berjahit dan memakai pakaian ihram. Rasulullah s.a.w mengadap kepada Allah dan diikuti oleh orang Islam di belakangnya sambil melaungkan: "Kami menyahut seruan-Mu ya Allah, kami menyahut seruan-Mu yang tidak ada sekutu bagi-Mu, kami menyahut seruan-Mu. Sesungguhnya pujian, nikmat dan kekuasaan hanya untuk-Mu yang tidak ada sekutu bagi-Mu".

Maka bergemalah (suara ini) di segenap penjuru padang pasir sehingga mereka sampai di kota Mekah pada 4 Zulhijjah. Rasullulah serta orang Islam menuju ke Kaabah,

[34] jaraknya 40 km dari kota Mekah, ia merupakan Miqat bagi penduduk Madinah

**حجة الوداع**

سنة ١٠ هـ / ٦٣٢ م

أقبل شهر ذي القعدة من السنة العاشرة للهجرة ، ولم يكن رسول الله ﷺ قد أدى فريضة الحج ، والمسلمون في حاجة إلى من يرشدهم عمليا إلى مناسكه.

لهذا دعا الرسول ﷺ الناس إلى الحج معه فأقبلوا جماعات إلى المدينة حتى بلغ عددهم مائة ألف أو يزيدون.

في اليوم الخامس والعشرين من الشهر ذي القعدة تحركت ركب الحجاج من المدينة في فرحة شاملة ، وأمامهم الرسول ﷺ إلى بيت الله الحرام ، فلما وصلوا ذا الحليفة (٣٣) باتوا بها وفي الصباح أحرم النبي ﷺ وأحرم المسلمون ، فنزَعوا المخيط ولبسوا ملابس الإحرام ، وتوجه الرسول ﷺ إلى الله والمسلمون من ورائه داعين : " لبيك اللهم لبيك ، لبيك لا شريك لك لبيك ، إن الحمد والنعمة لك والملك لا شريك لك ".

فتجاوب في نواحي الصحرآء صداها حتى وصلوا مكة في يوم الرابع من ذي الحجة، فتوجه الرسول والمسلمون إلى الكعبة ،

[٣٣] مكان بينه وبين مكة ٤٠ كيلومترا تقريبا ، وهو ميقات أهل المدينة.

lalu baginda s.a.w mencium dan mengucup Hajar al-Aswad serta mengelilingi Kaabah sebanyak 7 pusingan. Kemudian baginda berlari anak di antara bukit Safa dan Marwah sebanyak 7 kali. Seterusnya baginda menuju ke Mina dan dari situ baginda terus ke bukit Arafah, maka didirikan sebuah khemah untuknya. Baginda berehat seketika sehingga matahari tergelincir. Kemudian baginda menaiki untanya (al-Qaswa) dan menyeru manusia dengan suara yang kuat dan diulangi selepas itu oleh Rabi'ah bin Umaiyah bin Khalaf. Baginda berkhutbah selepas memuji Allah:

"Wahai manusia, dengarlah kata-kataku ini. Sesungguhnya aku tidak tahu sama ada aku dapat bertemu kamu lagi selepas ini di tempat ini untuk selama-lamanya. Wahai manusia, sesungguhnya darah dan harta kamu adalah haram (kamu merosakkannya) sehinggalah kamu bertemu tuhan kami seperti kehormatan hari kamu ini dan kehormatan bulan kamu ini. Sesungguhnya kamu akan bertemu tuhan kamu maka dia akan bertanya tentang amalan kamu . Sesungguhnya aku telah menyampaikan (amanah ini), sesiapa yang menyimpan amanah maka tunaikanlah kepada orang yang memberikan amanah itu.

Sesungguhnya setiap riba adalah perosak tetapi untuk kamu hanyalah modal harta kamu sahaja, kamu tidak menzalimi dan tidak dizalimi". Sehinggalah baginda berkata: "Wahai manusia, sesungguhnya syaitan itu telah berputus asa daripada beribadat di bumi kamu ini untuk selamanya. Tetapi jika dia dapat menyesatkan amalan yang kamu pandang remeh maka dia amat suka, berwaspadalah terhadapnya demi agama kamu. Wahai manusia, sesungguhnya melewatkan bulan suci itu, hanya menambahkan kekufuran yang menyesatkan orang-orang kafir. Mereka menghalalkannya dalam setahun dan mengharamkannya dalam tahun yang lain supaya mereka dapat menyamakan bulan yang diharamkan Allah , lalu mereka menghalalkan bulan yang diharamkan Allah. Mereka mengharamkan bulan yang dihalalkan Allah. Sesungguhnya masa sentiasa berputar seperti keadaannya pada hari Allah ciptakan langit dan bumi. Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah ialah 12 bulan, antaranya 4 bulan haram iaitu 3 bulan berturut-turut dan bulan Rejab di antara bulan Jamadil dan Syaban.

فاستلم ﷺ الحجر الأسود وقبله وطاف بالبيت سبعا ، ثم سعى بين الصفا والمروة سبعا ، ثم ذهب إلى منى ومنها إلى جبل عرفات وأقيمت له خيمة ، فاستراح حتى زالت الشمس ، ثم ركب ناقته القصوآء ونادى في الناس بصوت مرتفع يردد من بعده ربيعة بن أمية بن خلف ، قائلا بعد أن حمد الله وأثنى عليه :

"أيها الناس اسمعوا قولي هذا ، فإني لا أدري لا ألقاكم بعد عامي هذا بهذا الموقف أبد. أيها الناس إن دمائكم وأموالكم عليكم حرام إلى أن تلقوا ربكم كحرمة يوم هذا وكحرمة شهركم هذا ، وإنكم ستلقون ربكم فيسألكم عن أعمالكم ، وقد بلغت ، فمن كانت عنده أمانة فليؤدها إلى من ائتمنه عليها.

وإن كل ربا موضوع (٣٥) ولكن لكم رءوس أموالكم لا تظلمون ولا تظلمون ... إلى أن قال : " أما بعد أيها الناس ، فإن الشيطان قد يئس من أن يعبد بأرضكم هذه أبدا ، ولكنه إن يطع فيما سوى ذلك فقد رضي به مما تحقرون من أعمالكم ، فاحذروه على دينكم. أيها الناس ، { إنما النسيء زيادة في الكفر يضل به الذين كفروا يحلونه عاما ويحرمونه عاما ليواطؤا عدة ما حرم الله فيحلوا ما حرم الله } (٣٦). ويحرمون ما أحل الله، وأن الزمان قد استدار كهيئته يوم خلق الله السموات والأرض ، إن عدة الشهور عند الله اثنا عشر شهرا منها أربعة حرم ، ثلاثة متوالية ورجب الفرد الذي بين جمادى وشعبان.

---

٣٥ أي مهدر.
٣٦ من الآية رقم ٣٧ من سورة التوبة.

Wahai manusia sesungguhnya bagi kamu terhadap isteri kamu ada hak dan bagi mereka terhadap kamu ada hak dengan syarat mereka tidak berlaku curang terhadap kamu dengan seseorang yang kamu benci dan mereka tidak melakukan kejahatan yang nyata jika mereka melakukannya, sesungguhnya Allah mengizinkan kamu meninggalkan mereka di tempat tidur dan memukul mereka dengan pukulan yang tidak membahayakan. Sekiranya mereka berhenti maka mereka berhak mendapat rezeki dan pakaian yang baik. Layanilah isteri kamu dengan baik kerana mereka bagi kamu umpama tawanan yang tidak memiliki apa-apa pun untuk diri mereka. Sesungguhnya kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah (Ijab dan Kabul). Fikirkanlah wahai manusia kata-kataku ini. Sesungguhnya aku telah menyampaikan amanah ini dan aku tinggalkan kepada kamu sesuatu, sekiranya kamu berpegang teguh dengannya nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamnya iaitu kitab Allah dan sunnahh Rasul-Nya.

Wahai manusia dengarlah dan fikirkanlah kata-kataku ini, ketahuilah oleh kamu bahawa setiap muslim adalah saudara kepada muslim yang lain dan orang Islam itu bersaudara. Maka tidak halal bagi seseorang daripada saudaranya melainkan sesuatu yang diberikannya dengan hati yang ikhlas. Janganlah kamu menzalimi diri kamu sendiri. Wahai manusia, adakah aku telah menyampaikan (amanah ini)? Orang ramai menjawab: “Ya”. Lalu baginda berkata: “Ya Allah saksikanlah”.

Kemudian Rasulullah meninggalkan padang Arafah dan bermalam di Muzdalifah. Seterusnya pergi ke Mina dan melontar anak batu di tempat melontar semasa perjalanan ke sana . Kemudian baginda meyembelih binatang dan mencukur kepalanya. Dengan ini baginda telah menyempurnakan ibadah hajinya dan mengajar manusia ibadah haji dan perkara yang diwajibkan oleh Allah kepada mereka. Kemudian baginda pulang ke Madinah setelah menyampaikan risalah dan menunaikan amanah Allah serta menerangkan kepada manusia peraturan halal dan haram. Baginda menekankan kehormatan darah, maruah dan harta benda serta berpesan agar berlaku baik terhadap perempuan di dalam khutbahnya yang abadi dan lengkap. Baginda mengisytiharkan sesuatu daripada tuhan yang Maha Mulia iaitu firman Allah Taala: *“Hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku cukupkan ke atas kamu nikmatKu serta redha untuk kamu Islam sebagai agama”*. (surah al Maidah : ayat 3)

أيها الناس ، فإن لكم على نسائكم حقا ولهن عليكم حقا ألا يوطئن فرشكم أحدا تكرهونه ، وعليهن ألا يأتين بفاحشة مبينة، فإن فعلن فإن الله أذن لكم أن تهجروهن في المضاجع وتضربوهن ضربا غير مبرح ، فإن انتهين فلهن رزقهن وكسوتهن بالمعروف، واستوصوا بالنساء خيرا فإنهن عندكم عوان (٣٧) لا يملكن لأنفسهن شيئا ، وأنكم أخذتموهن بأمانة الله واستحللتم فروجهن بكلمات الله. فاعقلوا أيها الناس قولي ، فإني قد بلغت وقد تركت فيكم ما إن اعتصمتم به فلن تضلوا أبدا أمرا بينا؛ كتاب الله وسنة رسوله.

أيها الناس اسمعوا قولي واعقلوه ؛ تعلمن أن كل مسلم أخ للمسلم ، وأن المسلمين إخوة، فلا يحل لامرئ من أخيه إلا ما أعطاه عن طيب نفس منه ، فلا تظلمن أنفسكم. اللهم هل بلغت ؟". فأجاب الناس : " نعم ". فقال ﷺ : " اللهم اشهد ".

ثم ترك الرسول عرفات وقضى ليلة بالمزدلفة ، ثم ذهب إلى منى ورمى في طريقه إليها الجمرات ثم نحر الهدي وحلق رأسه ، وبذلك قد أتم حجه وعلم الناس مناسكهم وما فرض الله عليهم ، ثم عاد إلى المدينة بعد أن بلغ الرسالة وأدى الأمانة وبين الناس معالم الحلال والحرام ، وأكد حرمة الدماء والأعراض والأموال وأوصى بالنساء خيرا في خطبته الخالدة الجامعة ، وأعلن عن رب العزة ؛ قال تعالى:{اليوم أكملت لكم دينكم وأتممت عليكم نعمتي ورضيت لكم الإسلام دينا}

٣٧ أسرى أو كالأسرى.

## KEWAFATAN RASULULLAH S.A.W

**Tahun 11 H / 633 M**

Rasulullah mula sakit pada akhir bulan Safar tahun 11 Hijrah dan bertambah tenat sehingga baginda tidak sedarkan diri ketika berada di pangkuan Aisyah r.a. yang sentiasa mendoakan baginda cepat sembuh. Baginda berkata: “Sesungguhnya bagi kematian itu ada kesengsaraan”. Fatimah bertanya ketika nabi diselubungi kesengsaraan itu: “Sakitkah wahai ayahku”. Baginda menjawab: “Tidak ada lagi kesengsaraan bagi ayahmu selepas ini”.

Pada pagi Isnin 12 Rabiul Awal tahun 11 Hijrah, nabi s.a.w pulang ke rahmatullah ketika berusia 63 tahun. Baginda menghabiskan 23 tahun berjuang dalam menyampaikan risalah dan menyebarkan dakwah. Baginda mendapat petunjuk dan kejayaan yang menyejukkan matanya dan seluruh umat manusia.

Baginda membawa agama yang terbaik dan sempurna serta mengemukakan satu syariat yang mana seluruh pengkaji bersepakat mengatakan ianya adalah syariat dari langit yang paling tinggi yang pernah dikenali dalam sejarah umat manusia. Baginda mengasaskan etika kemasyarakatan di atas dasar yang kukuh seperti persaudaraan, persamaan dan kebebasan. Tidak ada keistimewaan bagi seseorang dalam perkara ini berbanding seseorang yang lain kecuali dengan sifat taqwa. Allah Taala berfirman: “Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa di antara kamu”. Selawat dan salam ke atas kamu wahai Rasulullah dengan usaha jihad kamu untuk menyelamatkan manusia dan melepaskannya daripada kehinaan dan membangunkannya berdasarkan hujah yang jelas.

## وفاة رسول الله ﷺ

سنة ١١ هـ / ٦٣٣ م

مرض رسول الله ﷺ في أواخر صفر سنة ١١ هـ ، واشتد عليه المرض حتى أغمي عليه وراسه في حجر عائشة – رضي الله عنها – وكانت تدعو له بالشفاء ، وكان يقول : " إن للموت لسكرات "، قالت فاطة لما تغشاه الكرب : " واكرب أبتاه" ، فقال : " لا كرب على أبيك بعد اليوم ".

وفي الصباح يوم الإثنين الثاني عشر من الربيع الأول سنة ١١ هـ قبض النبي ﷺ إلى رحمة ربه وهو في الثالثة والستين من عمره ، قضى منها ٢٣ سنة يجاهد في تبليغ الرسالة ونشر الدعوة، فأدرك من التوفيق والنجاح ما قرت به عينه وعين البشرية.

فقد جاء بدين هو أفضل الأديان وأكملها ، وسن شريعة أجمع الباحثون على أنها أرقى شريعة سماوية عرفها البشر في تاريخهم ، وأسس هيئة إجتماعية على دعائم ثابتة من الإخاء والمساواة والحرية ، لا فضل لأحد فيها غلى أحد إلا بالتقوى ، قال تعالى : { إن أكرمكم عند الله أتقكم } ([٣٨]). فصلوات الله وسلامه عليك يا رسول الله بقدر ما جاهدت لإنقاذ الإنسانية وإقالتها من عثراتها وإقامتها على الحجة الواضحة.

[٣٨] من الآية رقم ١٣ من سورة الحجرات.

Pujian bagi Allah kerana dia menjadikan kita sebagai pewaris agama yang suci ini dan menjadikan kita sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia dengan menyuruh kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah.

وحمدا لله إذ جعلنا الوارثين لهذا الدين الحنيف وجعلنا به خير أمة أخرجت للناس تأمر بالمعروف وتنهى عن المنكر وتؤمن بالله.

## ASPEK AKHLAK YANG TERSERLAH PADA DIRI RASULULLAH S.A.W SELEPAS HIJRAH

## الجانب الخلقي الذي ظهر به رسول الله ﷺ بعد الهجرة

Akhlak Rasulullah s.a.w merupakan gambaran yang jelas dengan ketinggian. Sebenarnya ianya tidak berubah walaupun berlaku perubahan masa, keadaan dan peristiwa. Tetapi beberapa Ciri istimewa yang lahir (dari Rasulullah) sebelum hijrah mengikut suasana dan begitu juga ciri-ciri istimewa yang lahir selepas hijrah mengikut keadaan yang berlaku. Semua ini lahir daripada insan yang terpilih lagi mulia dan demi mencapai matlamat yang mulia. Sekarang kita akan membincangkan sebahagian akhlak yang ada pada nabi s.a.w selepas hijrah.

كانت أخلاق الرسول ﷺ صورة ناطقة بالسمو والكمال ، وهي في حقيقتها لم تتغير باختلاف الأزمان وتنوع الظروف والأحداث ، ولكن كانت تظهر منها جوانب خاصة قبل الهجرة تقتضيها الظروف ، وجوانب خاصة بعد الهجرة تقتضيها الظروف كذلك ، وهي جميعها تنبثق من معين كريم وتتجه إلى غاية نبيلة. وسنتحدث الآن على بعض النواحي الخلقية التي ظهر بها – صلوات الله وسلامه عليه – بعد الهجرة.

### Sifat Berani

### الشجاعة :

Ali bin Abi Talib r.a berkata: “Ketika keadaan peperangan berkecamuk dan mata hitam Rasulullah mulai merah maka kami berlindung di belakang Rasulullah s.a.w, tidak ada seorang pun yang lebih hampir dengan musuh selain baginda.

روى علي بن أبي طالب – رضي الله عنه – قال : " كنا إذا حمي البأس واحمرت الحدق اتقينا برسول الله ﷺ ، فما يكون أحد أقرب إلى العدو منه.

Keberaniaan nabi a.s berasaskan keimanan yang sempurna maka sebarang peristiwa dan perubahan masa tidak mengurangkannya sedikit pun bahkan ia bertambah teguh dan kuat. Setiap pahlawan yang berani pasti ada rasa gementar kecuali Rasulullah s.a.w.

وكانت شجاعته – عليه السلام – تقوم على الإيمان الكامل ، فلم تنقص منها الحوادث والأزمان شيئا ، بل كانت تزيدها ثباتا وقوة ، وما من شجاع له زلة سوى رسول الله ﷺ.

Baginda pernah berdiri tegak pada peperangan Hunain ketika mana tentera Islam berundur dan melarikan diri. Baginda berdiri umpama sebatang kayu terpacak sambil melaungkan kata-kata dengan penuh keberanian:

"Aku adalah nabi, tidak dusta # aku anak Abdul Muttalib".

Maka dengan cara tersebut baginda berjaya mengembalikan tentera Islam ke medan perang selepas berundur dan memperolehi kemenangan selepas kekalahan. Beginilah sifat baginda dalam semua peperangannya yang merupakan contoh terbaik bagi sifat keberanian yang jitu dan kepahlawanan yang unggul.

**Cara Berpolitik**

Politik Rasulullah terbit dari akal yang sempurna, dan fikiran yang sihat serta pengalaman luas mengenai perangai dan keadaan manusia. Maka tidak hairanlah kerana Allah sendiri mengawasi baginda dan membantunya pada setiap waktu dan keadaan dengan kawalan dan pertolongan-Nya. Tidak syak lagi seluruh perjalanan Rasulullah adalah gambaran yang berterusan dan contoh yang berbagai-bagai mengenai politik yang bijaksana yang menjadikan orang Islam dalam masa yang singkat sebagai umat yang agung dan kuat. Ianya juga perlu menjadi penyuluh bagi pemimpin dan pendakwah sepanjang zaman. Antara contoh politik nabi yang bijaksana itu

1. Ketika Rasulullah menetap di Madinah, baginda mempersaudarakan antara golongan Muhajirin dan Ansor. Persaudaraan ini merupakan asas komitmen antara golongan Ansar iaitu orang yang menetap di Madinah serta beriman, dan golongan Muhajirin iaitu orang yang dihalau dari rumah dan harta mereka secara terpaksa. Kerjasama ini membuahkan hasil yang baik. Allah memberi kesenangan golongan Muhajirin dan menggantikan apa yang mereka hilang dengan perkara yang lebih baik

ولقد وقف يوم حنين حينما ولى عنه المسلمون وفروا مدبرين وقف كالطود الراسخ يهتف في شجاعة مؤمنة قائلا :

أنا النبي لا كذب # أنا ابن عبد المطلب

فاستطاع بذلك أن يعيد المسلمون إلى الإقبال بعد الإدبار وأتى النصر بعد الهزيمة ، وكذلك كان في سائر حروبه وغزواته المثل الأعلى للشجاعة الفائقة والبطولة النادرة.

**السياسة :**

كانت سياسة رسول الله ﷺ تنبثق عن عقل راجح وتفكير سليم وخبرة كاملة بطبائع الناس وأحوالهم ، ولاغرو فقد صنعه الله على عينه وأمده في كل وقت وحين برعايته وعونه. ولا شك أن تاريخ الرسول كله صور متتابعة وأمثلة متنوعة للسياسة الحكيمة الرشيدة التي جعلت من المسلمين في وقت قصير أمة عظيمة الشأن قوية البنيان ، والتي يجب أن يستضيء بها الزعماء والمصلحون على توالي الأجيال والقرون. وهذه بعض الأمثلة لتلك السياسة الرشيدة :

١– فحينما استقر الرسول ﷺ بالمدينة أخى بين المهاجرين والأنصار ، فكانت تلك الأخوة أساس التعاون بين الأنصار – وهم الذين تبوءوا الدار والإيمان – والمهاجرين – وهم الذين أخرجوا من ديارهم وأموالهم بغير حق – ، وقد أثمر هذا التعاون ثمرته الطيبة المباركة ، فأغنى الله المهاجرين وعوضهم خير العوض عما فقدوه.

2. Semasa berada di Madinah, Rasulullah mengikat perjanjian antara orang Islam dan Yahudi. Perjanjian ini dianggap sebagai ikatan politik yang baik. Asasnya adalah persaudaraan ketika aman dan sama-sama mempertahankan Madinah sewaktu perang serta kerjasama yang mantap di antara kedua-dua belah pihak apabila bencana menimpa satu pihak atau kedua-duanya sekali. Rasulullah berjaya memperolehi keamanan dengan perjanjian ini dari sudut dalaman (pihak Yahudi), untuk menangkis ancaman musuh di luar Madinah. Orang Islam dapat faedah daripada perjanjian ini ketika keadaan terdesak. Dari sini nampaklah kebijaksanaan Rasulullah dan pandangannya yang jauh

٢- ثم عقد الرسول بالمدينة عهدا بين المسلمين واليهود ، ويعتبر هذا العهد وثيقة سياسية رائعة ، وكانت أساسه الأخوة في السلم والدفاع عن المدينة في وقت الحرب والتعاون التام بين الفريقين إذا نزلت الشدة بأحدهما أو كليهما ، وقد أمن الرسول بهذا العهد الجبهة الداخلية ليتفرغ (٣٩) للأعداء خارج المدينة. واستفاد المسلمون من هذا العهد في أحرج الظروف ، وظهرت منه حصافة الرسول ﷺ وبعد نظره.

**Syarat-Syarat Pihak Quraisy (Dalam Perjanjian Hudaibiyah)**

**شروط قريش :**

Umar r.a menganggap bahawa perjanjian itu mengabaikan hak-hak istimewa orang Islam dan menegur Rasulullah mengenai perkara tersebut. Tetapi hari-hari yang mendatang menampakkan kebaikan politik Rasulullah s.a.w. Perjanjian Hudaibiyah ini merupakan asas kepada pembukaan kota Mekah. Oleh itu Allah menamakan perjanjian ini dengan pembukaan yang nyata.

وظن عمر رضي الله عنه أن في ذلك إجحافا بحقوق المسلمين ولقد عاتب الرسول في ذلك ، ولكن الأيام أظهرت حسن سياسة الرسول ﷺ ، فكان صلح حديبية أساسا لفتح مكة ، ولذا سمى الله الصلح بالفتح المبين (٤٠).

Pada hari pembukaan yang agung itu, nyatalah politik Rasulullah s.a.w yang bijak itu. Allah mengurniakan baginda dapat menguasai orang Quraisy yang merupakan musuh paling ketat. Baginda menerima kejahatan mereka dengan kebaikan dan membalas kezaliman mereka dengan kemaafan dan pengampunan. Cara politik yang lembut ini berjaya kerana orang Quraisy telah memeluk agama Allah.

وفي يوم الفتح الأعظم وضحت سياسة الرشيدة للرسول ﷺ فقد أمكنه الله من قريش وهي العدو الألد ، فقابل إساءتها بالإحسان وجازاها عن ظلمها بالعفو والغفران ، فقد نجحت هذه السياسة الرحيمة إذ دخلت قريش في دين الله.

[٣٩] كان هذا العهد من العوامل القوية في انتصار المسلمين في غزوة بدر حيث كانت الجبهة الداخلية موحدة قوية ، ولو لا هذا العهد لدخل المشركون المدينة بعد هزيمة المسلمين في غزوة أحد.
[٤٠] وفيه نزل قوله تعالى : { إنا فتحنا لك فتحا مبينا } إلخ.

وكان لها في الفتوحات الإسلامية نصيب كبير وجهاد مبرور. إلى غير ذلك من تلكم الأمثلة التي يفيض بها تاريخ الرسول ﷺ والتي هي المنهج الأقوم لدعاة الإصلاح في كل زمان ومكان.

Ianya merupakan saham yang besar dan jihad yang betul dalam pembukaan kawasan-kawasan baru Islam. Begitulah contoh-contoh lain yang memenuhi sejarah hidup Rasulullah s.a.w dan menjadi panduan terbaik bagi pendakwah di sepanjang zaman dan tempat

**الوفاء بالعهد :**

كان الوفاء الكامل شأن الرسول الكريم في جميع مواقفه ، فلقد عقد مع اليهود عهدا بعد الهجرة وظل وفيا بعهده حتى بدأ اليهود بالغدر والخيانة ، فحاق بهم مكرهم ، وعقد مع قريش يوم الحديبية فظل وفيا بعهده حتى بدأت قريش بالغدر وحاربت قبيلة خزاعة المحالفة للمسلمين فجزاهم الرسول على غدرهم وغزاهم في دارهم ، فجاء نصر الله والفتح ، وخضعت قريش وأسلمت ، وهكذا – صلوات الله وسلامه عليه – في جميع مواقفه ، حتى جعل الرسول ﷺ الغدر آية النفاق ، فقال: " آية المنافق ثلاث : إذا أحدث كذب ، وإذا عاهد غدر ، وإذا خاصم فجر ".

**Menepati Janji**

Menepati janji adalah sifat Rasulullah dalam semua tindakannya. Baginda membuat perjanjian dengan orang Yahudi selepas peristiwa Hijrah dan sentiasa menepatinya sehinggalah orang Yahudi memulakan pencabulan dan pengkhianatan. Maka tindakan mereka ini memusnahkan mereka sendiri. Baginda juga membuat perjanjian Hudaibiyah dengan orang Quraisy dan sentiasa menepatinya sehinggalah pihak Quraisy memulakan pencabulannya dan menyerang puak Khuzaah sekutu orang Islam. Maka Rasulullah membalas pencabulan mereka itu dan menyerang mereka di negeri mereka sendiri. Kemudian Allah memberi kemenangan dan pembukaan kota Mekah. Akhirnya pihak Quraisy tunduk dan memeluk Islam. Begitulah baginda  s.a.w dalam semua tindakannya sehingga Rasulullah s.a.w menjadikan sifat mungkir janji itu satu tanda Munafik. Baginda bersabda: “Tanda orang Munafik itu ada tiga perkara: apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir dan apabila berbalah dia tidak berbaik”

**Sifat Lemah Lembut**

Baginda a.s sentiasa memaafkan orang yang menzaliminya memberi kepada orang yang menghalangnya dan menyambung ikatan dengan orang yang memutuskannya.

Anas r.a berkata : "Aku telah berkhidmat dengan Rasulullah selama 10 tahun, tetapi baginda tidak pernah berkata kepadaku rasa bosan. Baginda tidak pernah bertanya mengenai sesuatu yang aku lakukan: "Mengapa kamu buat begini?". Baginda juga tidak pernah bertanya mengenai sesuatu yang aku tidak laksanakan: "Kenapa kamu tidak buat perkara ini?".

Ketika baginda sedang membahagikan harta rampasan perang dalam peperangan Khaibar, datang seorang lelaki dan berkata: "Bersikap adillah wahai Rasulullah!". Baginda berkata: "Hei kamu!, siapa lagi yang lebih adil sekiranya aku ini tidak berlaku adil?, jadi kamu akan binasa dan rugi jika aku tidak berlaku adil". Lalu Umar bangun dan ingin memancung leher lelaki itu tetapi tidak diizinkan oleh Rasulullah dan baginda memaafkan kesilapan lelaki itu.

Pada hari pembukaan kota Mekah, Allah mengurniakan kepada Rasulullah dapat menguasai orang Quraisy yang banyak menyakitinya dan menggunakan pelbagai helah untuk mengalahkannya bahkan mereka telah melakukannya terhadap baginda dan orang Islam serta harta benda mereka. Namun Rasulullah berdiri dan mengisytiharkan kemaafan kepada orang Quraisy dengan berkata mereka: "Pergilah, kamu semua dibebaskan". Begitulah nabi a.s membalas kejahatan dengan kebaikan dan membalas kezaliman dan permusuhan dengan kemaafan. Baginda adalah makhluk mulia yang begitu tinggi jiwanya dan benarlah Allah yang Maha Agung ketika menyifatkan baginda dengan firman-Nya: "Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang mulia".

**الحلم :**

وكان – عليه الصلاة والسلام – يعفو عما ظلمه ويعطي من حرمه ويصل من قطعه.

وقال أنس – ﷺ – خدمت النبي ﷺ عشرين سنين فما قال لي: "أف" قط ، ولا قال لشيء صنعته : " لم صنعته ؟ " ولا قال لشيء تركته : " لم تركته ؟"

ولما كان يقسم الغنائم يوم خيبر جاءه رجل وقال: " اعدل يا رسول الله "، فقال الرسول : "ويحك فمن يعدل إذا لم أعدل ؟ فقد خبت إذا وخسرت إن كنت لا أعدل "، فقام عمر وأراد أن يضرب عنقه فلم يرضى الرسول بذلك وغفر للرجل زلته وخطيئته.

ولما كان يوم الفتح الأعظم وأمكن الله رسوله من قريش التي بلغت في إيذائه وسلكت كل سبيل للكيد له ونالت منه ومن المسلمين أنفسهم وأموالهم ، وقف الرسول ﷺ وأعلن العفو العام عن قريش قائلا لهم : " إذهبوا فأنتم الطلقاء ". وهكذا كان – صلوات الله عليه – يجزي بالإساءة إحسانا وبالظلم والعدوان العفو، وإنه لهو الخلق الكريم الذي يسمو على السمو نفسه ، وصدق الله العظيم حيث وصفه بقوله تعالى : {وإنك لعلى خلق عظيم} ([٤١]).

[٤١] الآية رقم ٤ من سورة القلم.

**Sifat Pemurah**

Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa seorang lelaki meminta sesuatu pada Rasulullah s.a.w, lalu baginda memberi kepadanya seekor kambing yang diternak di kawasan cerung bukit. Kemudian lelaki itu pulang kepada kaumnya dan berkata: “Masuklah kamu semua agama Islam kerana Muhammad memberi sesuatu pemberian umpama orang yang tidak takut kepapaan. Baginda pernah diberi kepadanya 90,000 dirham, lalu baginda meletakkannya di atas hamparan, kemudian membahagikannya. Baginda tidak menghampakan seseorangpun yang meminta sehinggalah duit itu habis. Tiba-tiba datang seorang lelaki dan meminta kepadanya, maka baginda menjawab: “Aku tidak ada apa-apa lagi, tetapi kamu belilah dan aku akan membayarnya”, apabila kami (keluarga nabi) dapat sesuatu kami akan menghabiskannya (mendermakannya). Lalu Umar berkata: “Allah tidak membebankan kamu dengan apa yang kamu tidak mampu lakukannya”. Maka nabi tidak suka kata-kata Umar tersebut. Seorang lelaki Ansar berkata: “Wahai Rasulullah bersedekahlah dan janganlah takut kemiskinan daripada Allah (tuhan yang memiliki Arasy)”. Kemudian Rasulullah s.a.w tersenyum dan terukir kegembiraan di wajahnya. Baginda berkata: “dengan cara inilah aku diperintahkan…. Banyak lagi hadis lain yang sabit dari Rasulullah (mengenai perkara ini). Semuanya menceritakan bahawa baginda adalah manusia yang paling pemurah. Baginda lebih pemurah daripada angin yang bertiup dan awan yang berarak.

**Sifat Zuhud**

Rasulullah s.a.w meletakkan di hadapannya firman Allah Taala “Dan janganlah kamu layankan pandangan kamu kepada perhiasan yang kami berikan kepada para suami (yang lain) di kalangan mereka sebagai kemewahan hidup di dunia, kerana kami ingin menguji mereka dengan perkara tersebut. Dan rezeki tuhanmu (dalam syurga) lebih baik dan kekal”. Baginda memandang kepada dunia ini ianya sebagai jalan dan laluan sahaja, bukannya sebagai matlamat dan tempat menetap.

**الجود :**

روي عن أنس بن مالك – ﵁ – أن رجلا سأل رسول الله ﷺ فأعطاه غنما بين جبلين ، فرجع الرجل إلى قومه وقال : " أسلموا فإن مُحَمَّدا يعطي عطاء من لا يخشى الفقر ، وحمل إليه تسعين ألف درهم فوضعت على حصير ثم قام إليها يقسمها ، فما رد سائلا حتى فرغ منها ، فجاءه رجل وسأله فقال : " ما عندي شيء ولكن ابتع علي ( اشتر على حسابي) ، فإذا جاءنا شيئ قضيناه ، فقال عمر : " ما كلفك الله ما لاتقدر عليه ، فكره النبي ، فقال رجل من الأنصار : يا رسول الله انفق ولا تخش من ذي العرش إقلالا ، فتبسم ﷺ وعرف البشر في وجهه وقال : " بهذا أمرت "... إلى غير ذلك من الروايات الكثيرة الثابتة عن الرسول الكريم ، وهي تنطق كلها بأنه أجود الناس ، وكان أجود بالخير من الريح المرسلة والسحب الهاطلة.

**الزهد :**

كان رسول الله ﷺ يضع أمامه قول الله تعالى : { ولا تمدن عينيك إلى ما متعنا به أزواجا منهم زهرة الحياة الدنيا لنفتنهم فيه ورزق ربك خير وأبقى } ([٤٢]). فكان ينظر إلى الدنيا على أنه طريق وممر لا على أنها غاية ومستقر ،

---

[٤٢] الآية رقم ١٣١ من سورة طه.

Cukuplah bagi anda apa yang diriwayatkan dari Aisyah bahawa beliau dan isteri-isteri Rasulullah pernah melihat tiga kali anak bulan dalam tempoh dua bulan. Sedangkan rumah Rasulullah tidak berasap dapurnya. Mereka hidup dalam tempoh yang panjang dengan dua benda hitam: buah tamar dan air. Sekiranya Rasulullah ingin kekayaan bumi nescaya bumi akan datang segera kepadanya, tetapi baginda hidup sederhana dalam kesenangan hidup yang akan hilang dan kemewahannya akan lenyap untuk menjadi teladan yang terbaik kepada masa dan generasi seterusnya, agar bersabar dengan kesusahan dan redha dengan ketetapan Allah. Selawat dan salam ke atas penghulu kami, Muhammad nabi yang Ummi dan ke atas keluarga baginda dan para sahabatnya. Segala puji bagi Allah dari awal hingga akhir

وحسبك ما روي عن عائشة من أنها هي وزوجات الرسول كن يبصرن الهلال ثم الهلال ثم الهلال ثلاثة أهلة في شهرين وما يوقد في بيوت رسول الله نار ، وأنهن كن يعشن الأمد الطويل على الأسودين : التمر والماء ، ولو أراد الرسول المال لوجده بين يديه ، ولو شاء كنوز الأرض لأقبلت مسرعة إليه ، ولكنه زهد في متاع الحياة الزائل وزخرفها الحائل ليضرب المثل الأعلى أمام القرون والأجيال في الصبر على البأس والرضا بالقضاء. وصلى الله علي سيدنا مُحَمَّد النبي الأمي وعلى آله وصحبه وسلم والحمد لله أولا وآخرا.

## ABDULLAH BIN ABBAS

Beliau ialah Abdullah bin Abbas bin Abdul Muttalib, sepupu Rasulullah s.a.w dan datuk kepada khalifah kerajaan Abbasiah.

Beliau dilahirkan tiga tahun sebelum peristiwa Hijrah dan mempunyai ikatan yang rapat dengan Rasulullah s.a.w kerana kerap berhubung dengan baginda. Beliau sering mendengar dari Rasulullah apa yang diturunkan oleh Jibril a.s tentang ajaran Islam yang sempurna dan perundangan yang toleransi dan adil. Maka hatinya mula cenderung kepada Islam dan memeluk agama Allah.

Ibnu Abbas r.a berkata: "Aku bersama Rasulullah s.a.w pergi ke tempat air, lalu baginda mengambil wuduk dan minum air sambil berdiri. Aku pun berkata: "Aku akan buat seperti apa yang dibuat oleh nabi s.a.w". Aku pun berdiri dan mengambil wuduk kemudian minum sambil berdiri. Selepas itu aku berdiri di belakangnya, lalu baginda memberi isyarat kepadaku supaya berdiri di sebelah kanannya tetapi aku enggan. Apabila selesai sembahyang, baginda bertanya: "Apakah yang menyebabkan kamu tidak berdiri di sebelah kananku?". Aku menjawab: "Wahai Rasulullah, kamu lebih tinggi dan lebih mulia pada pandanganku untuk aku berada bersebelahanmu". Maka baginda berkata: "Wahai tuhanku, kurniakanlah kebijaksanaan kepadanya".

Ibnu Abbas adalah seorang yang banyak ilmunya sehingga digelarkannya dakwat bagi umat ini dan mahir menterjemah al-Quran kerana nabi s.a.w mendoakannya ketika beliau masih kecil sambil mengusap kepalanya dan berkata: "Ya Tuhanku, berikan kefahaman kepadanya dalam urusan agama dan ajarkanlah dia dengan kemahiran mentafsir". Ibnu Abbas r.a berkata: "Rasulullah s.a.w pernah memeluk aku sambil berdoa: "Ya Tuhanku, ajarkanlah dia kebijaksanaan". Baginda juga pernah meletakkan tangannya yang mulia di atas dada Ibnu Abbas. Lalu baginda dapati Ibnu Abbas menolaknya ke belakang kemudian baginda s.a.w berdoa: "Ya Tuhanku, isikanlah dadanya dengan kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan". Semenjak itu, Ibnu Abbas mendapati dirinya tidak perlu lagi bertanya kepada orang lain.

## عبد الله بن عباس

هو عبد الله بن عباس بن عبد المطلب ابن عم رسول الله ﷺ وجد خلفاء الدولة العباسية.

ولد قبل الهجرة بثلاث سنين ، وكان ذا صلة قريبة برسول الله صلى الله عليه وسلم كثير الإتصال به ، فسمع من رسول الله ما أنزل به الوحي الأمين من تعاليم إسلامية شاملة وتشريع سمح قويم ، فمال قلبه إلى الإسلام ودخل في دين الله.

قال ابن عباس رضي الله عنه : "كنت عند رسول الله ﷺ إلى سقاء فتوضأ وشرب قائما ، قلت : والله لأفعلن كما فعل النبي ﷺ ، وقمت وتوضأت وشربت قائما ، ثم صففت خلفه ، فأشار إلي لأوازي به وأقوم عن يمينه فأبيت. فلما قضى صلاته، قال : " ما منعك ألا تكون وازيت بي ؟" قلت : "يا رسول الله أنت أجل في عيني وأعز من أن أوازي بك " ،فقال : " اللهم آته الحكمة ".

وكان ابن عباس غزير العلم حتى كان يقال له : حبر [٤٣] الأمة وترجمان القرآن لأن النبي ﷺ دعاه وهو صغير فمسح رأسه وقال : " اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل " ، ويقول ابن عباس رضي الله عنهما : ضمني رسول الله صلى الله عليه وسلم وقال : " اللهم علمه الحكمة " ، ووضع يده الشريفة على صدره فوجد عبد الله بن عباس بردها في ظهره، ثم قال ﷺ: "اللهم احش جوفه حكما وعلما"، فلم يجد ابن عباس في نفسه منذ ذلك الوقت حاجة إلى سؤال أحد من الناس.

---

[٤٣] الحبر : هو العالم الكبير.

**Abdullah Bin Abbas Di Madinah**

Beliau r.a tinggal di Madinah meriwayatkan hadis dan menghafal al-Quran.

Semasa Rasulullah wafat Ibnu Abbas baru mencecah umur baligh, beliau mula mengumpul hadis dari mulut para sahabat. Beliau berjaya meriwayatkan dari kebanyakan sahabat sehingga sampai 1,670 hadis. Dengan itu, beliau adalah antara perawi hadis

dan kedudukannya di Madinah menyamai kedudukan sahabat yang terkemuka. Orang ramai dari segenap penjuru datang berjumpa beliau untuk mengambil ilmu daripadanya.

Sebahagian ulamak sezaman dengannya berkata: "Aku tidak pernah melihat majlis ilmu yang lebih mulia daripada majlis ilmu Ibnu Abbas kerana ahli feqah, ahli al-Quran dan ahli sastera duduk bersamannya. Ibnu Mas'ud berkata: "Sebaik-baik penterjemah al-Quran adalah Ibnu Abbas".

**Kedudukan Ilmunya**

Setelah sempurna pelantikan Ali bi Abi Talib r.a (sebagai khalifah), beliau melantik Ibnu Abbas sebagai gabenor Basrah. Maka Ibnu Abbas berpindah ke sana sebagai gabenor. Walaupun sibuk dengan urusan mentadbir kawasan ini, namun ianya tidak menganggu beliau daripada menyampaikan ilmu yang diperolehinya semenjak kecil di bawah cahaya dakwah nabi Muhammad. Beliau mengadakan majlis tafsir dan menyebarkan ilmu serta menjelaskan kepada manusia mengenai ajaran agama mereka. Ibnu Abbas (beliau umpama penyelam) sebagaimana yang digelarkan imam Ali r.a, tidak akan tenggelam pena fitrahnya.

**عبد الله بن عباس في المدينة :**

عكف ﷺ في المدينة على رواية الحديث وحفظ القرآن الكريم.

ولما توفي رسول الله ﷺ ، وكان ابن عباس يناهز الحلم أخذ يجمع الحديث من أفواه الصحابة ، فروى عن كثير منهم حتى بلغ ما رواه ١٦٧٠ (سبعين وستمائة وألف حديث) ، وبذلك كان من رواة الحديث.

وأصبحت منزلته في المدينة كمنزلة كبار الصحابة ، وأتاه الناس من كل ناحية ينهلون من مورده ويبتغون العلم من مجلسه،

قال بعض علماء عصره : ما رأيت مجلسا قط أكرم من مجلس ابن عباس ، أن أصحاب الفقه عنده ، وأصحاب القرآن عنده وأصحاب الشعر عنده ، وقال ابن مسعود : نعم ترجمان القرآن ابن عباس.

**منزلته العلمية :**

لما تمت البيعة لعلي بن أبي طالب –كرم الله وجهه – ولى ابن عباس ولاية البصرة، فانتقل إليها حاكما ، ورغم ذلك لم تشغله الشئون الإدارية لهذا الإقليم من مواصلة رسالته العلمية التي شغف بها منذ ترعرع في نور الدعوة المحمدية ، فقعد مجالس التفسير وأخذ ينشر العلم ويفقه الناس في أمر دينهم ، وما كان لابن عباس – وهو الغواص –كما يلقبه الإمام علي –كرم الله وجهه – أن تخمد جذوته الفكرية.

Beliau umpama dakwat dan faqih bagi umat ini. Umar r.a berkata: “Sebaik-baik penterjemah al-Quran adalah Ibnu Abbas, seorang pemuda yang matang, lidah yang petah dan hati yang hidup”. Umar juga berkata: “Aku tidak pernah mendengar fatwa yang lebih baik daripada fatwa Ibnu Abbas selepas Rasulullah s.a.w”. Ilmu Ibnu Abbas telah sampai di kemuncaknya, maka ramailah manusia di majlis ilmunya sehingga setengah mereka berkata: “Sesungguhnya aku pernah menyaksi majlis ilmu Ibnu Abbas. Seandainya semua orang Quraisy berbangga dengannya nescaya ia adalah satu kemegahan. Orang ramai berkumpul di majlisnya sehingga tempat yang luas menjadi sempit dan orang ramai bertemu dengannya untuk bertanya tentang perkara halal dan haram.

Begitu juga orang yang ingin bertanya tentang bahasa Arab dan kata-kata yang sukar difahami. Beliau akan menjawab semua soalan yang ditanya dan memberi penjelasannya”. Ada yang berkata: “Apabila melihatnya kamu akan berkata: “Manusia yang paling cantik”, apabila beliau berkata-kata, kamu akan berkata: “Manusia yang paling fasih”, apabila bercakap, kamu akan berkata: “Manusia yang paling alim”. Beberapa orang bertanya Abdullah bin Umar r.a mengenai sesuatu masalah, maka beliau berkata: “Tanyalah kepada Ibnu Abbas kerana dia orang yang paling tahu tentang perkara yang diturunkan kepada nabi Muhammad”.

**Abdullah Bin Abbas Dalam Medan Jihad**

Abdullah bin Abbas tidak ingin menghadkan kegiatannya pada bidang ilmu sahaja, sebaliknya beliau suka agar tidak dihalang daripada memperolehi kemuliaan jihad di jalan Allah untuk menegakkan kalimah-Nya dan membantu agama-Nya kerana merebut pahala yang besar di sisi Allah yang disediakan untuk para pejuang. Beliau ikut serta dalam pembukaan Islam di utara Afrika dan Farsi. Beliau juga ikut serta dalam peperangan Qistantiniyah, ibu kota kerajaan Rom timur pada tahun 48 Hijrah.

وهو حبر الأمة وفقيهها ، ورحم الله عمر حيث يقول : نعم ترجمان القرآن ابن عباس ، فتى الكهول له لسان سئول وقلب عقول ، كما قال أيضا : ما سمعت فتيا أحسن من فتيا ابن عباس إلا أن يكون رسول الله ﷺ.وقد بلغ ابن عباس في العلم مبلغا كبيرا ، فتكاثر الناس حوله حتى قال بعضهم : لقد رأيت لابن عباس مجلسا لو أن جميع قريش فخرت به لكان فخرا ، يجتمع الناس عنده حتى يضيق بهم المكان ، ويدخل عليه من يريد أن يسأل عن حلال والحرام ،

ثم من يريد أن يسأل عن العربية والغريب من الكلام ، فيجيب كلا عما سأل ويزيد عليه بما يوضحه ، كما قيل : إذا رأيته قلت : أجمل الناس ، فإذا تكلم قلت أفصح الناس ، فإذا حدث قلت : أعلم الناس. سأل بعض الناس عبد الله بن عمر – رضي الله عنهما – في مسألة من المسائل فقال : سل ابن عباس فإنه أعلم من بقي بما أنزل على مُحَّد.

**عبد الله بن عباس في ميدان الجهاد :**

لم يشأ عبد الله بن عباس أن يقتصر نشاطه على الناحية العلمية ، بل أحب ألا يحرم من شرف الجهاد في سبيل الله لإعلاء كلمته ونصر دينه رغبة فيما أعد للمجاهدين عند الله من عظيم الأجر ، فاشترك في الفتوحات الإسلامية في شمال أفريقية وفارس ، كما اشترك في غزوة قسطنطينية عاصمة الدولة الرومانية الشرقية سنة ٤٨ هـ.

**Sifat Rendah Dirinya**

Ibnu Abbas r.a (walaupun tinggi kedudukannya) adalah seorang yang rendah diri tetapi bukan lemah, dan seorang yang lemah lembut sehingga dijadikan contoh pada sifat lemah lembutnya.

Pada suatu hari, Zaid bin Sabit menunggang kuda tiba-tiba Ibnu Abbas memegang tali kekang kudanya maka Zaid bin Sabit berkata: "Jangan kamu buat begini wahai sepupu Rasulullah". Ibnu Abbas berkata: "Beginilah kami disuruh melakukannya terhadap ulama kami". Lalu Zaid bin Sabit mengucup tangan Ibnu Abbas: "Beginilah kami disuruh melakukannya terhadap ahli keluarga nabi kami".

Ada seorang lelaki mencaci Ibnu Abbas r.a lalu beliau berkata: "Sesungguhnya kamu mencaci aku sedangkan pada aku ada tiga perkara:

1. Sesungguhnya apabila aku mengetahui seorang pemerintah daripada pemerintah-pemerintah Islam yang adil dalam hukumannya maka aku akan menyukainya dan mungkin aku tidak berhukum sepertinya selama-lamanya.
2. Apabila aku mengetahui hujan turun di negara orang Islam maka aku gembira dengannya walaupun aku tidak ada di tempat itu seekor ternakan atau seorang pengembala.
3. Aku membaca satu ayat dari kitab Allah, maka aku suka sekiranya semua orang Islam mengetahuinya seperti mana yang aku tahu.

**Kewafatan beliau Pada Tahun 68 Hijrah**

Beliau r.a wafat pada tahun 68 Hijrah selepas matanya buta ketika berusia 71 tahun. Sesungguhnya benarlah kata-kata ulama selepas mendengar kematiannya: "seorang yang luas ilmu agama bagi umat ini telah mati".

**تواضعه :**

وكان ابن عباس – ﵁ – مع هذا متواضعا في غير ضعف حليما حتى ليضرب به المثل في الحلم.

ركب زيد بن ثابت يوما فأخذ ابن عباس بركابه ، فقال زيد ابن ثابت : لا تفعل يا ابن عم رسول الله ، فقال ابن عباس : هكذا أمرنا أن نفعل بعلمائنا ،فقبل زيد بن ثابت يده وقال : هكذا أمرنا أن نفعل بأهل بيت نبينا.

وشتم رجل ابن عباس – ﵁ – فقال : إنك لشتمني ، وفي ثلاث : أني لأسمع بالحاكم من حكام المسلمين يعدل في حكمه فأحبه ، ولعلي لا أقضي إليه أبدا ، وأني لأسمع بالغيث يصيب بلدا من المسلمين فافرح به. وما لي بها سائمة ولا راعية ، وأني لآتي على آية من كتاب الله تعالى ، فوددت أن المسلمين كلهم يعلمون عنها مثل ما أعلم.

**وفاته سنة ٦٨ هـ :**

وتوفي ﵁ سنة ٦٨ هـ (ثمان وستين للهجرة) بعد أن أصيب في بصره عن إحدى وسبعين سنة. ولقد صدق العلماء حيث قالوا بعد سماعهم بوفاته : مات رباني هذه الأمة.

**KHALID BIN AL-WALID**

Beliau ialah Abu Salman, Khalid bin al-Walid bin al-Mughirah al-Makhzumi. Keturunannya bertemu dengan Rasulullah s.a.w pada datuk yang keenam iaitu Murrah bin Kaab.

Beliau dilahirkan di kota Mekah 27 tahun sebelum kebangkitan nabi Muhammad. Beliau menghabiskan masa awal mudanya dengan bergelumang dalam lingkaran kesyirikan dan kezaliman serta tenggelam dalam penyembahan berhala. Pada zaman jahiliahnya, beliau sangat keras terhadap orang Islam, sentiasa mengekori gerak-geri mereka dan mencari peluang untuk memperdaya dan menyakiti mereka. Rahmat Allah menghendaki Khalid tidak terus berada dalam kegelapan ini, maka Allah menyelamatkannya dari kejahatan dan menunjuknya kepada kebenaran serta memuliakannya dengan Islam. Ianya berlaku pada tahun ke-8 Hijrah dan sebelum pembukaan kota Mekah.

Khalid menceritakan kisah pengislamannya kepada kita, katanya: “Ketika Allah ingin berikan kebaikan kepadaku, Dia mencampakkan ke dalam hatiku Islam dan memberi petunjuk kepadaku. Lalu aku berkata: “Aku melihat seluruh tempat ini berpihak kepada Muhammad, maka tidak ada satu tempat pun yang aku perhatikannya akan mengelak dari menyokongnya. Aku terasa di hatiku bahawa Muhammad akan menang (terhadap musuhnya). Saudara aku, al-Walid telah bersama nabi s.a.w ketika menunaikan umrah kadha. Beliau mencari aku tetapi tidak menemui aku, lalu beliau menulis surat kepadaku. Kandungannya:

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya aku begitu hairan hilangnya pandangmu terhadap Islam, sedangkan akalmu masih waras. Rasulullah ada bertanya pada aku, katanya: “Di mana Khalid?”. Aku menjawab: “Allah akan memberi petunjuk kepadanya”. Ketahuilah wahai saudaraku, kamu masih lagi belum terlewat dari tempat yang baik ini”.

# خالد بن الوليد

هو أبو سلمان خالد بن الوليد بن المغير المخزومي ، يجتمع مع رسول الله ﷺ في الجد السادس وهو مرة بن كعب ([٤٤])

ولد في مكة قبل بعثة النبوية بسبع وعشرين سنة ، فقضى الصدر الأول من شبابه دائرا في فلك الشرك والطغيان غارقا في عبادة الأوثان ، وكان في جاهليته شديدا على المسلمين يتربص بهم الدوائر ويلتمس الفرص ليكيد لهم وينال منهم. شاء فضل الله ألا يظل خالد يتخبط في هذا الظلام ، فأقاله من عثر وهداه إلى الحق وأعزه الإسلام ، وكان ذلك في السنة الثامنة للهجرة وقبيل الفتح الأعظم للبلد الحرام.

ويروي لنا خالد قصة إسلامه فيقول : لما أراد الله بي ما أراد من الخير قذف في قلبي الإسلام وحضر بي رشدي فقلت : شهدت هذه المواطن كلها على مُحَمَّد فليس في مواطن أشهده ألا انصرف وأنا أرى في نفسي أن مُحَمَّد سيظهر ([٤٥]) ، وكان أخي الوليد قد دخل مع النبي ﷺ في عمرة القضية ([٤٦]) فطلبني فلم يجدني فكتب لي كتابا ، فإذا فيه : بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ، أما بعد فإني أعجب من ذهاب رأيك عن الإسلام وعقلك عقلك ، وقد سألني رسول الله ﷺ فقال : أين خالد ؟ فقلت : يأتي الله به، فادرك يأخي ما فاتك من مواطن صالحة.

[٤٤] مرة بن كعب هو الجد السادس للرسول والجد السادس لخالد بن الوليد ، وكذلك الجد السادس لأبي بكر الصديق.

[٤٥] أي سيعلو شأنه وينتصر على أعدائه.

[٤٦] هي العمرة التي أداها المسلمون بعد صلح الحديبية بعام أي في السنة السابعة من الهجرة.

Khalid berkata: “Setelah sampai kepadaku suratnya, aku rasa ingin pergi (bertemu Rasulullah) dan ianya menambahkan minatku pada Islam. Aku begitu gembira Rasulullah bertanya tentang diriku dan aku bermimpi (pada malamnya) seolah-olah aku berada di tempat yang sempit lagi kontang, kemudian aku keluar ke tempat yang subur lagi luas. Apabila aku sampai di Madinah, aku memakai pakaian yang paling baik,

kemudian aku pergi bertemu Rasulullah s.a.w. Tiba-tiba aku bertemu saudaraku dan dia berkata: “Cepatlah!, sesungguhnya Rasulullah telah memberitahu tentang kamu dan gembira dengan kedatangan kamu”. Aku pun menpercepatkan langkahku dan aku nampak baginda yang sentiasa tersenyum padaku sehingga aku sampai di hadapannya, lalu aku memberi salam kepadanya sebagai nabi. Baginda a.s menjawab dengan wajah yang tersenyum. Maka aku berkata: “Sesungguhnya aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya kamu adalah pesuruh Allah”. Baginda berkata: “Mari ke sini”. Kemudian berkata: “Segala puji bagi Allah yang memberi hidayat kepada kamu. Sesungguhnya aku melihat kamu ada kecerdikan yang aku harap ia akan mendorong kamu kepada kebaikan. Aku berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah lihat apa yang aku lakukan (dalam peristiwa-peristiwa sebelum ini) terhadap kamu dengan menentang kebenaran. Berdoalah kepada Allah agar Dia mengampuni daku”. Rasulullah berkata: “Islam itu akan hapuskan perkara yang telah berlaku”. Aku berkata: “Wahai Rasulullah, atas segala perbuatan itu?”. Lalu baginda berdoa: “Ya Tuhanku, berilah keampunan kepada Khalid bin al-Walid terhadap dosa yang dilakukannya kerana menyeleweng dari jalan-Mu”. Beginilah kisah Islamnya Khalid selepas berfikir dan mendapat ketenangan dalam suasana yang diselubungi keikhlasan dan disinari cahaya iman.

قال : فلما جاءني كتابه نشطت للخروج وزادني رغبة في الإسلام ، وسرني سؤال رسول الله ﷺ عني ، ورأيت في النوم كأني كنت في بلاد ضيقة مجدبة ، ثم خرجت إلى بلاد خضراء واسعة (٤٧) ، حتى إذا دخلت المدينة لبست صالح ثيابي ، ثم قصدت إلى رسول الله ﷺ فلقيني أخي فقال : اسرع ، فإن رسول الله ﷺ قد أخبر بك فسر بقدومك ، فأسرعت المشي فأطلعت عليه ، فما زال يتبسم إلي حتى وقفت عليه وسلمت عليه بالنبوة ، فرد عليه السلام بوجه طلق ، فقلت : أني أشهد أن لا إله إلا الله وأنك رسول الله ، فقال : تعال ثم قالى : الحمد لله الذي هداك ، قد كنت أرى أنك عقلا رجوت ألا يسلمك إلا إلى الخير ، قلت : يا رسول الله قد رأيت ما كنت أشهد من تلك المواطن عليك معاندا الحق ، فادع الله أن يغفر لي ، فقال رسول الله ﷺ : الإسلام يجب ما كان قبله ، قلت : يا رسول الله على ذلك. قال : اللهم اغفر لخالد بن الوليد كل ما أوضع فيه من صد عن سبيلك. وهكذا كان إسلام خالد بعد تفكير واطمئنان في جو يسوده الإخلاص ويشرق فيه الإيمان.

[٤٧] هي رؤية صادقة ، فلقد خرج من ضيق الكفر إلى واسعة الإسلام ومن جدب الباطل إلى خضرة الحق وازدهاره.

**Perjuangannya Di Jalan Allah**

At-Tirmizi meriwayatkan dari Abu Hurairah berkata: “Kami duduk bersama Rasulullah s.a.w di suatu tempat, orang ramai lalu-lalang. Rasulullah s.a.w bertanya: “Siapa orang ini?”. Aku menjawab: “Si fulan”. Sehingga lalulah Khalid, maka baginda bertanya: “Siapa orang ini?”. Aku menjawab: “Khalid bin al-Walid”. Baginda berkata: “Dia adalah sebaik-baik hamba Allah dan dia adalah antara pedang-pedang Allah”.

Benarlah kata-kata Rasulullah s.a.w kerana Khalid adalah pedang yang tajam, yang Allah berikan kekuatan padanya mengalahkan orang kafir dan musyrik serta memerangi musuh-musuh kebenaran dan penolong-penolong kesesatan. Beliau berjaya merasakan mereka kehinaaan dan balasan yang setimpal.

Beliau memeluk Islam ketika berumur 46 tahun dan meninggal dunia ketika berusia 60 tahun. Beliau menghabiskan masa hanya 14 tahun sahaja dalam Islam, tetapi walaupun singkat ia dianggap masa yang panjang kerana dipenuhi dengan jihad, pengorbanan dan perjuangan serta meraih kejayaan dan kemenangan.

**Peperangan Muktah**

Dalam peperangan ini, kepahlawanannya yang hebat begitu terserlah kerana beliau berjaya menyelamatkan tentera Islam – 3,000 orang sahaja – daripada musuh mereka yang mencapai 200,000 orang tentera. Kejayaannya menyelamatkan tentera Islam daripada kekalahan selepas gugurnya tiga panglima perang mereka iaitu Zaid bin Harithah, Jaafar bin Abu Tolib dan Abdullah bin Rawahah satu demi satu, adalah merupakan satu tugas yang menyamai satu kemenangan atau lebih dari itu.

**جهاده في سبيل الله :**

روى الترمذي عن أبي هريرة قال : نزلنا مع رسول الله ﷺ منزلا ، فجعل الناس يمرون ، فيقول رسول الله ﷺ : من هذا ؟ فأقول : فلان ، حتى مر خالد بن الوليد فقال : من هذا ؟ قلت : خالد بن الوليد. قال : نعم عبد الله ، هذا سيف من سيوف الله.

وصدق الرسول الكريم – صلوات الله وسلامه عليه – فقد كان خالد سيفا صارما سلطه على الكفار والمشركين ورمى به الأعداء الحق وأنصار الضلال ، فأذاقهم الهوان والنكال.

ولقد أسلم وهو في السادس والأربعين ، ومات وهو في الستين ، فكأنه قد قضى في الإسلام أربعة عشر عاما فحسب ، ولكنها – على قصرها – كانت عمرا طويلا إذ كانت حافلة بالجهاد مليئة بالتضحية والكفاح مكللة بالفرز والنصر.

**غزوة المؤتة (٤٨)**

في هذه الغزوة ثبتت بطولته النادرة إذ استطاع أن ينقذ المسلمين – وكانوا ثلاثة آلاف فحسب – من عدوهم الذي بلغت جيوشه مائتي ألف ، وكان إنقاذه للمسلمين من الفناء بعد قتل قوادهم الثلاثة : زيد بن حارثة ، وجعفر بن أبي طالب وعبد الله بن رواحة واحدا بعد واحد عملا يقوم مقام النصر أو يزيد ،

٤٨ ذكرنا تلك الغزوة بالتفصيل في الجز السابق من السيرة النبوية.

Beliau r.a berperang dalam peperangan ini dengan hebat sehingga beliau berkata: “Pada peperangan Muktah sembilan pedang menikam kedua-dua belah tangan”. Alangkah hebatnya pengorbanan dan keimanan beliau.

Setelah Allah menyempurnakan nikmatnya dengan pembukaan kota Mekah, Khalid mempunyai kedudukan yang mulia kerana Rasulullah s.a.w menghantarnya ke Batni Niklah untuk meruntuhkan al-Uzza iaitu patung berhala yang terbesar bagi orang Quraisy. Mereka mempersembahkan kepadanya sembelihan dan sesuatu ynag mendekatkan diri mereka kepada Allah. Maka Khalid meruntuhkannya dan melenyapkan kuasanya sambil mencabar pemimpin-pemimpin kufur dan sesat serta menghina kepercayaan mereka yang dusta. Beliau berkata sambil bermegah dengan kurniaan Allah:

“Wahai Uzza! Engkau sungguh keji, engkau tidak suci # sesungguhnya aku melihat Allah telah menghina kamu”.

**Khalid Dalam Peperangan Riddah**

Apabila pelbagai fitnah melanda bagaikan malam yang gelap, setelah kewafatan Rasulullah s.a.w dan ramai orang Islam keluar dari agama mereka. Abu Bakar mula berjuang menentang kejahatan dan ujian ini. Bagi Khalid al-Walid dalam situasi ini mempunyai sejarah dan pendirian yang terpuji bahkan beliau merupakan pengaruh yang besar dalam menghapuskan fitnah ini, kerana beliau melakukan terhadap musuh Allah dengan keberanian dan ketegasan. Beliau membakar mereka dengan api, menghempap mereka dengan batu dan mencampak mereka dari atas bukit serta mengenakan mereka dengan kecelakaan dan pembalasan yang setimpal sehingga bersihlah bumi semenanjung tanah Arab (dari fitnah murtad) dan terbit cahaya Islam di sana.

ولقد قاتل – ﷺ – في هذا اليوم قتالا مريرا حتى قال : اندقت في يدي يوم مؤتة تسعة أسياف ، فيالروعة التضحية والإيمان.

بعد أن أتم الله النعمة على المسلمين بفتح مكة كان لخالد بن الوليد موقف جليل، فقد أرسله الرسول ﷺ إلى بطن نخلة (٤٩) لهدم العزى وهي أعظم الأصنام عند قريش ، وكانوا يقدمون لها الذبائح والقرابين ، فهدمها خالد وقتل سادتها متحديا أئمة الكفر والضلال ساخرا من عقائدهم الكاذبة ، وقال مفتخرا بفضل الله :

يا عز كفرانك لا سبحانك # إني رأيت الله قد أهانك

**خالد في حروب الردة :**

ولما اقبلت الفتن كقطع الليل بعد وفاة رسول الله ﷺ وارتد كثير من المسلمين عن دينهم ، وبدأ أبو بكر يكافح هذا الشر والبلاء ، كان خالد بن الوليد في هذا المجال أيام مشهودة ومواقف محمودة ، بل كان له الأثر الأكبر في القضاء على هذا الفتن، إذ أعمل في أعداء الله سيف البطش والانتقام ، فحرقهم بالنار ، ورضخهم بالحجارة ، ورمى بهم من الجبال وأذاقهم الويل والنكال حتى صفت سماء الجزيرة العربية وأشرق فيها نور الإسلام من جديد.

---

٤٩ مكان بالقرب من مكة.

**Khalid Dalam Peperangan Iraq Dan Syam**

Perbicaraan kita menjadi panjang sekiranya kita ingin menyelongkar semua aktiviti peperangan beliau di Iraq dan Syam. Sifat beliau dalam peperangan tersebut dari segi kepahlawanan, keberaniaan dan kebijaksanaan berperang yang tinggi tidak dapat dihitung dan dinilai. Sifat ini memberi kemenangan padanya dengan cara yang mudah.

**Kewafatan Beliau**

Beliau r.a meninggal dunia pada tahun 21 Hijrah dan dikebumikan di Bandar Hims.

Beliau tidak dapat merasai nikmat mati syahid di jalan Allah, beliau mati di atas katil sebagai kematian biasa. Beliau berusaha untuk mati syahid dan bersungguh-sungguh mendapatkannya kerana mencari keredhaan Allah dan sebagai jihad di jalan-Nya. Namun tidak ada satu jiwa pun yang mati melainkan dengan izin Allah.

Beliau sempat berkata sebelum kematiannya: "Sesungguhnya aku telah menyertai seratus peperangan atau kurang daripada itu, di badanku tidak ada walaupun sejengkal kecuali dengan libasan pedang, panahan anak panah atau tikaman tombak. Hari ini aku mati di atas katilku sebagai mati biasa seperti mana matinya seekor unta, maka mata-mata para pengecut pasti tidak akan lelap"

walaupun Khalid tidak dapat mengecapi mati syahid namun Allah memberikannya kebaikan dan kelebihan. Semoga Allah mencatatnya dalam catatan para pejuang sebenar dan kesejahteraan untuknya bersama orang-orang yang baik dan benar.

**خالد في حروب العراق والشام :**

ويطول بنا القول لو أردنا أن نستقصي أعماله الحربية في العراق والشام ، وما كان له فيها من بطولة وإقدام وعبقرية الحربية فائق كانت تغني عن العدة والعديد ، وتضمن له النصر من أقرب طريق.

**وفاته :**

وقد توفي — رضوان الله عليه — سنة ٢١ هـ ودفن في مدينة حمص ،

وقد فاتته نعمة الاستشهاد في سبيل الله فمات على فراشه ميتة طبيعية ، وهو الذي كان يسعى إلى الموت ويلح في طلبه ابتغاء مرضاة الله وجهادا في سبيله، ولكن ماكان لنفس أن تموت إلا بإذن الله ،

وقد قال قبيل وفاته : ولقد شهدت مائة زحف أو زهاءها ، وما في بدني موضع شبر إلا وفيه ضربة بسيف أو رمية بسهم أو طعنة برمح ، وهآنذا أموت على فراشي حتف أنفي كما يموت العير ، فلا نامت أعين الجبناء.

ولكن إذا ماكان خالد قد فاتته الشهادة فقد أتاه الله الحسنى وزيادة ، فسلام الله عليه في سجل الخالدين وسلام عليه في الأبرار والصديقين.